


OBOR BELIA

BUKU 18

PERSAHABATAN, BERPAČARAN & PERKAHWINAN



Penerbitan Kristian

OBOR BELIA

Penulis (Bahasa Inggeris): Goh Kim Guat

Kim Guat aktif dalam pelayanan belia dan kanak-kanak. Dia telah memperoleh B.A. (Hons) di Bryn Mawr College, U.S.A. dan M.Ed. di Harvard Graduate School of Education.

Penterjemah: Ng Mun Hong

Mun Hong adalah seorang penterjemah bebas (*freelance*). Dia mempunyai lebih daripada 5 tahun pengalaman menterjemah dalam 3 bahasa: Cina, Melayu dan Inggeris. Dia banyak menterjemah untuk buku, iklan komersil, panduan manual, berita dsbnya.

Penyunting: Randy Singkee

Randy banyak terlibat dalam penulisan dan penterjemahan sejak tahun 1993. Dia memperoleh B.A. (Hons) dari Universiti Malaya dan M.Sc. dalam bidang Geographical Information Systems (GIS) dari University of Edinburgh, UK.

Cetakan Pertama: November 2010

Cetakan Kedua : Mei 2014

Penerbit : Wawasan Penabur Sdn. Bhd.
wawasan.penabur@gmail.com

Kulit Buku : Randy Singkee

Artis Ilustrasi : Eugene Tan

Petikan Alkitab diambil dari

Alkitab Berita Baik © 1996, Bible Society of Malaysia

Alkitab Terjemahan Baru © 1974, Lembaga Alkitab Indonesia

Hakcipta © 2010 Wawasan Penabur Sdn. Bhd.

Hak Cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

Isi Kandungan

1	Sebelum Anda Bermula
4	Mukadimah: Persahabatan, Berpacaran & Perkahwinan

Lembar Kerja

6	Sesi 1: Sudah Sedia Untuk Berpacaran?
10	Sesi 2: Pasangan Yang Ideal?
16	Sesi 3: Awas Godaan Fizikal!
20	Sesi 4: Dari Hati Ke Hati
26	Sesi 5: Masih Popular?
32	Sesi 6: Pasangan Yang Setara?
36	Sesi 7: Bujang Tapi Puas
40	Sesi 8: Sudah Tidak Serasi Lagi?

Panduan Pembimbing

45	Sesi 1
52	Sesi 2
61	Sesi 3
68	Sesi 4
70	Sesi 5
76	Sesi 6
82	Sesi 7
88	Sesi 8
95	Evaluasi OBOR Belia

Sebelum Anda Bermula...

Memperkenalkan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dituliskan sebab:

- Para belia dan muda-mudi masih mencari program yang lebih berkesan dan yang dapat memenuhi keperluan mereka.
- Para belia dan muda-mudi masih kekurangan pembelajaran sistematik yang dapat meletakkan dasar iman teguh di tengah-tengah tekanan kehidupan moden ini.
- Kebanyakan buku pemuridan tidak dituliskan menurut konteks dan masalah-masalah yang dihadapi oleh belia dan muda-mudi yang hidup sebagai umat Tuhan di negara ini.

OBOR BELIA merupakan kurikulum yang memuat kaedah-kaedah kreatif dan praktikal agar Injil dapat disampaikan sesuai dengan keperluan para belia dan muda-mudi zaman sekarang. Kurikulum ini diolah untuk generasi muda Tubuh Kristus supaya mereka mengenal iman mereka secara mendalam dan hidup setia sebagai umat Tuhan di negara ini. Kurikulum ini akan memberi anda peluang untuk berbincang, bertukaran pendapat, berdoa bersama, belajar daripada satu sama lain, dan berseronok bersama. Setelah mempelajari kurikulum ini, anda akan mengetahui bahawa menjadi seorang Kristian memang relevan, mencabar, teruja dan anda akan menemui apa yang anda kehendaki untuk kehidupan anda.

Cara Menggunakan **OBOR BELIA**

OBOR BELIA dicorakkan untuk pertemuan mingguan yang boleh digunakan di persekutuan di sekolah, rumah atau gereja. Anda juga boleh mengubahsuainya untuk kelompok kecil anda.

Siri buku ini mempunyai dua bahagian besar: Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing yang memberi panduan dan aktiviti-aktiviti kreatif untuk topik-topik buku ini.

Panduan Pelajar terdiri daripada Kata-Kata Mutiara, Ayat Mas Alkitab, Aktiviti Bersama, Renungan Firman Tuhan, Renungan Peribadi dan Doa. Panduan Pembimbing pula mempunyai tiga aspek tambahan iaitu Objektif-Objektif Sesi, Aktiviti Pencetus Minat, Jawapan Firman

Tuhan serta kaedah ajaran yang boleh digunakan.

Pembimbing atau pemimpin kelompok harus membaca Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing untuk memahami seluruh pelajaran ini dan cara menyelenggarakannya.

Dalam Siri Buku **OBOR BELIA** ini, anda akan menemui yang berikut:



Ayat Mas Alkitab

Ayat ini merupakan ayat yang penting dan perlu direnungi bersama kelompok anda.



Kata-Kata Mutiara

Baca bersama ahli-ahli kumpulan anda dan jelaskannya secara singkat.



Aktiviti Bersama

Bahagian ini memperkenalkan tema utama sesi ini dengan menggunakan pelbagai permainan, lakonan, kertas kerja atau cara yang menarik untuk mencetus minat para peserta.



Renungan Firman Tuhan

Bahagian di mana Firman Tuhan akan dibentang dan dibincangkan. Pelbagai aktiviti dirancang agar mereka dapat melibatkan diri dalam Firman Tuhan.



Renungan Peribadi

Bahagian ini menggabungkan cara-cara kreatif dan praktikal untuk menggalakkan mereka merenungi pelajaran hari itu serta menerapkan kebenaran yang telah dipelajari untuk kehidupan mereka, dan bukan sekedar mengetahuinya sahaja.




Doa

Pembimbing dan peserta digalakkan menutup setiap sesi dengan doa.

Untuk Pemimpin/Pembimbing

Panduan untuk memimpin dan membimbing sesi disediakan di bahagian akhir buku ini. Anda akan dibekalkan dengan nota-nota tambahan untuk setiap bahagian dalam sesi di Lembar Kerja.



Objektif-Objektif Sesi

Bahagian ini menjelaskan dengan terperinci objektif-objektif sesi. Pembimbing mesti membaca objektif-objektif ini sebelum memulakan pelajaran.



Pencetus Minat

Mencadangkan beberapa teknik pemanasan dan pencetus minat para pelajar dengan menggunakan permainan, lakonan, dan sebagainya.



Aktiviti Tambahan

Aktiviti atau pelajaran tambahan yang diolah untuk memperkuatkan lagi pengajaran Alkitab atau satu pernyataan.

Beberapa Panduan Berguna

*** Baca**

Baca bahagian Lembar Kerja dan Panduan Pembimbing jika anda sedang membimbing satu kelompok supaya anda boleh berfikir dan menyiapkan diri dengan mantap.

*** Doa**

Berdoa agar Tuhan memberi anda kebijaksanaan sewaktu mengendalikan topik dalam perbincangan. Jangan lupa berdoa agar Tuhan menyentuh dan mengubah kehidupan ahli-ahli kumpulan anda.

*** Persiapan**

Bahagian Renungan Firman Tuhan memerlukan paling banyak bimbingan dan ajaran daripada anda. Renungkan contoh-contoh yang dapat menolong anda menjelaskan ajaran anda dalam bahagian lain.

*** Santai & Ketawa**

Jangan terlalu serius dan kalau boleh berjenakalah sekali-sekala. Biar proses pembelajaran itu lebih berinteraksi, partisipasi dan santai.

Mukadimah

Bukan mudah untuk mengajar dan menggalakkan pemuda-pemudi zaman sekarang untuk memilih suatu gaya hidup yang berlandaskan Alkitab, terutama sekali yang bersangkutan dengan perhubungan antara lelaki dan perempuan, seks dan perkahwinan. Setiap masa, mereka terdedah dengan pelbagai pengaruh dan mesej-mesej tentang perhubungan longgar antara lelaki dan perempuan, gaya hidup bebas, serta seks sebelum perkahwinan dari budaya popular. Segala pengaruh dan panutan duniawi ini boleh disimpulkan dalam satu ayat: "Perhubungan bermula dengan perasaan dan berakhir di tempat tidur."

Kerana itulah, adalah menjadi cabaran dan tanggungjawab kita untuk mendidik anak-anak muda kita supaya dapat menghalang mereka menjejaki jalan yang diambil oleh rakan-rakan bukan Kristian mereka. Kita perlu terus berusaha untuk mengatasi dan menghilangkan nilai-nilai sesat dan palsu berkaitan dengan perhubungan lawan jenis mereka.

Empat sesi yang pertama bertujuan untuk membantu para belia membentuk suatu perspektif Alkitabiah yang harus menjadi dasar dalam perhubungan lawan jenis mereka. Bagaimana mereka harus bersikap dalam perhubungan tersebut dan kualiti-kualiti apakah yang mereka harus perhatikan? Apakah had-had dalam aspek-aspek fizikal perhubungan mereka untuk mengelakkan diri mereka daripada terlanjur terjerumus ke dalam hal-hal yang salah?

Sesi 5-8 pula melihat model perkahwinan yang mengikut rancangan Allah. Perkahwinan adalah rancangan Allah bagi lelaki dan perempuan sejak Penciptaan. Ia dimaksudkan sebagai pengalaman terindah bagi manusia jika suami dan isteri belajar hidup bersama mengikut kehendak Tuhan. Perkahwinan mereka menjadi seperti suatu cermin yang merefleksikan kasih Kristus.

Jadi, adalah penting bahawa belia kita diajar tentang apa yang Allah inginkan bila Dia mencipta lelaki dan perempuan bagi satu sama lain. Mereka perlu faham bahawa hanya bila mengikuti 'cetakan biru' Sang Pencipta sahajalah barulah sepasang lelaki dan perempuan dapat menikmati kesatuan dalam perkahwinan mereka seperti yang dimaksudkan Allah. Apa yang mereka lihat di dunia sekeliling mereka -

tanggapan perkahwinan sebagai suatu institusi yang kolot dan ketinggalan zaman, gaya hidup alternatif yang bertentangan dengan perkahwinan – adalah satu penyelewengan besar daripada rancangan asal Tuhan.

Semoga buku ini boleh membantu untuk memimpin hati dan fikiran belia Kristian supaya menjauhkan diri daripada nilai-nilai panutan dunia. Semoga mereka dapat belajar dan memupuk sikap dan pemahaman yang benar tentang karunia perkahwinan dan juga karunia membujang yang Tuhan telah tahbiskan untuk para lelaki dan perempuan. Dan semoga apa yang mereka pelajari akan menjadi batu loncatan kepada pembinaan dasar yang kukuh dalam tahun-tahun mendatang jika dan bila Tuhan memanggil mereka ke dalam penyatuan istimewa yang Dia telah tahbiskan untuk mereka.

“Kita mengasihi, karena Allah lebih dahulu mengasihi kita.”
(1 Yohanes 4:19)

Sudah Sedia Untuk Berpacaran?





Ayat Mas Alkitab

“Perlakukanlah orang muda seperti saudaramu, dan wanita tua seperti ibu. Dengan hati yang tulus, hendaklah engkau memperlakukan wanita muda seperti adik.”
(1 Timotius 5:1b-2)



Kata-kata Mutiara

Keseriusan untuk berpacaran harus dikembangkan secara semula jadi daripada perhubungan persahabatan yang baik antara lelaki dan perempuan.



Aktiviti Bersama

Sudah Cukup Umur Untuk Berpacaran?

Dalam kumpulan mengikut jantina, bincangkan:

- ♦ Bilakah masa yang paling sesuai untuk mempunyai teman lelaki/perempuan yang istimewa?
- ♦ Adakah sekarang waktu yang sesuai untuk anda berpacaran? Berikan sebab-sebab yang menyokong atau menentang pendapat anda.
- ♦ Apakah kebaikan dan keburukan dengan mempunyai seorang teman lelaki/perempuan pada usia muda?



Renungan Firman Tuhan

1. Kehidupan ini adalah berkenaan dengan pelbagai perhubungan. Apa yang TUHAN Allah katakan bila Dia mencipta Adam dan Hawa? (Kejadian 2:18)

2. Adakah Adam merasa gembira apabila dia cuba memilih pasangannya dari haiwan ciptaan Tuhan yang lain? Kenapa? (Kejadian 2:19-20)
3. Apa yang dilakukan oleh Allah terhadap Adam dan apa signifikannya penciptaan Hawa sebagai pasangan Adam? (Kejadian 2: 23)
4. Apakah tujuan muktahir Allah dalam mencipta manusia? (Kejadian 2:24-25)
5. Apa yang diajar oleh Paulus tentang hidup membujang? (1 Korintus 7:1-7).
6. Apa kebaikan mereka yang tidak berkahwin, yang mempunyai karunia hidup membujang? (1 Korintus 7:32-35).
7. Yesus sendiri mempunyai ramai kenalan dari kalangan perempuan. Rujuk Lukas 8:1-3 dan Yohanes 11:5, dan namakan beberapa kawan perempuan-Nya.
8. Prinsip apa yang anda boleh belajar daripada kehidupan Yesus?
9. Apa nasihat Paulus tentang sikap kita terhadap orang yang berlawanan jenis dengan kita? (Roma 12:10 dan 1 Timotius 5:1-2)



Renungan Peribadi

Menguatkan Seorang Kawan

Fikirkan tentang beberapa orang teman dari lawan jenis dalam kumpulan anda. Tuliskan sesuatu yang anda hargai sebagai teman tentang orang itu. Beritahu dia tentang apa yang anda telah tuliskan.

Santapan Minda

“Pada zaman ini, usaha mengajar anak muda kita supaya jangan dulu terlibat dalam perhubungan yang serius adalah seperti suatu perjuangan yang menuju kekalahan. Segala yang ada di sekeliling mereka, dari media hinggalah ke rakan sebaya mereka, seakan-akan mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam hal tersebut. Semua bentuk cubaan dan tekanan yang ada di luar sana hanya menanti peluang terutama ketika mereka dilanda kelemahan.”

~ Goh Kim Guat



Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya anda akan sentiasa belajar dalam semua perhubungan anda. Berdoalah supaya Dia akan mengajar anda bagaimana menjalinkan persahabatan yang baik dengan kawan-kawan dari jantina yang lain sebelum anda berfikir tentang menjalinkan satu perhubungan yang serius.

Pasangan Yang Ideal?





Ayat Mas Alkitab

“Janganlah kamu menjadi pasangan yang tidak seimbang dengan orang-orang yang tak percaya. Sebab persamaan apakah terdapat antara kebenaran dan kedurhakaan? Atau bagaimanakah terang dapat bersatu dengan gelap? Persamaan apakah yang terdapat antara Kristus dan Belial? Apakah bagian bersama orang-orang percaya dengan orang-orang tak percaya? Apakah hubungan bait Allah dengan berhala? Karena kita adalah bait dari Allah yang hidup menurut firman Allah ini: ‘Aku akan diam bersama-sama dengan mereka dan hidup di tengah-tengah mereka, dan Aku akan menjadi Allah mereka, dan mereka akan menjadi umat-Ku.’”

(2 Korintus 6:14-16)



Kata-kata Mutiara

Orang yang anda pilih untuk memulakan satu perhubungan yang serius haruslah seseorang yang mengenal Tuhan dan mengasihi-Nya, serta mempunyai tujuan hidup yang sama dengan anda.



Aktiviti Bersama

Dalam kumpulan kecil 3-5 orang, bincangkan senario salah satu daripada berikut dan carikan jalan penyelesaian untuk masalah yang dihadapi oleh teman anda:

MASALAH 1

Anda mendapat panggilan daripada kawan anda pada Sabtu malam. Teman lelaki anda telah memutuskan perhubungan yang telah mereka jalani selama tiga bulan kerana teman lelaki anda mendapati dia tidak menarik lagi. Kawan anda terlalu ‘rohani’ kata lelaki itu. Hati kawan anda hancur. Dia memohon agar anda bercakap dengan teman lelaki anda kerana anda agak mengenal dia. Dia mahu supaya anda memujuk teman lelaki anda untuk kembali kepadanya. Apa yang akan anda katakan kepada teman anda?

MASALAH 2

Kawan anda telah memutuskan bahawa sudah tiba masanya untuk dia mengakhiri zaman bujangnya. Sejak dua bulan lalu, dia telah mula *dating* dengan seorang gadis manis yang dia kenali dalam kelas tuisyennya. Dia telah keluar dengannya sejak dua bulan yang lalu. Dan dia mahu menjadikannya sebagai teman wanita istimewanya tetapi tidak tahu apa yang harus dia katakan kepadanya. Dia juga tahu gadis tersebut juga keluar dengan lelaki lain. Dia perlukan nasihat daripada anda.

MASALAH 3

Kawan anda berpendapat tidak ada salahnya mempunyai seorang teman perempuan bukan Kristian, bahkan seorang pasangan hidup bukan Kristian. Dia berkata sudah mencukupi selagi dia berpegang teguh kepada imannya. Tambahan pula, dia boleh membawa teman wanita atau isterinya ke gereja dan satu hari nanti dia pasti akan menjadi seorang Kristian. Dia juga berpendapat apa salahnya bertukar-tukar teman wanita sebelum berkahwin kerana anda perlu banyak pengalaman? Teman sekelas anda pernah datang kepada anda menangis kerana 'ditinggalkan' oleh kawan anda. Apakah yang harus anda lakukan?

MASALAH 4

Kawan anda sedang mempertimbangkan untuk memeluk Islam kerana teman lelakinya sudah mengatakan keseriusannya untuk menikahinya. Mereka baru menjalankan hubungan serius selama 2 bulan. Kawan anda tidak tahu bagaimana hendak memberitahu ibu bapanya. Bapanya adalah seorang pastor yang pasti akan menentang hasratnya. Dia juga pernah mendengar lelaki tersebut mungkin sudah berkahwin. Tetapi dia sangat mencintainya. Apa yang akan anda katakan kepadanya?



Renungan Firman Tuhan

1. Alkitab menggariskan beberapa kriteria untuk pasangan yang ideal. Apakah kriteria yang pertama seperti yang terdapat dalam 1 Korintus 7:39?
2. Bagaimana dengan nasihat Paulus di 2 Korintus 6:14-18?
3. Apa yang berlaku sekiranya pasangan hidup bukanlah orang yang percaya? (Keluaran 34:15-16)
4. Apa yang boleh kita belajar dari Nehemia 13:23-27 tentang mengahwini pasangan dari agama lain?
5. Apa kriteria kedua yang disarankan oleh Alkitab? (Ulangan 6:4-9)
6. Bagaimana pasangan hidup yang seiman boleh saling mendorong? (Amsal 27:17)
7. Kenapa mempunyai matlamat hidup yang sama itu penting? (Kisah Rasul-Rasul 18:24-26; Roma 16:3-5)

8. Apakah bahayanya untuk mereka yang berpacaran dan berkahwin dengan seorang Muslim?

9. Apa yang harus kita lakukan untuk mereka yang sudah terlanjur dengan seorang Muslim?



Renungan Peribadi

Apakah kualiti-kualiti seorang isteri yang dipandang ideal oleh Tuhan?
(Amsal 31:10-31)

Apakah kualiti-kualiti seorang lelaki yang dianggap alim dan ideal oleh Tuhan? (1 Timotius 3:1-10)

Santapan Minda

“Berhati-hatilah! Cinta itu buta. Jangan sampai ada yang sanggup menggadai iman mereka hanya untuk suatu perhubungan dan perkahwinan. Tidak ada pintu keluar untuk mereka yang sudah masuk Islam! Walaupun perkahwinan anda mungkin berakhir dengan satu penceraian, dan anda berhasrat untuk kembali ke agama asal, itu tidak akan terjadi kerana tidak ada pintu dalam Islam!”


~ Christopher W. Nambayan



Doa

Berdoalah kepada Tuhan supaya Dia memimpin anda dalam memilih calon pacar dan pasangan hidup anda. Sekiranya anda sudah mempunyai seorang yang istimewa, serahkan pilihan pasangan anda kepada Tuhan. Jika anda belum menjumpai seorang yang istimewa, belajarliah menunggu-Nya untuk membawa orang yang betul dan pada masa yang sama tidak terbelenggu dalam perhubungan yang salah.

Doakan juga untuk teman-teman anda yang sedang menjalinkan perhubungan dengan seorang Muslim. Ingatlah bahawa tidak ada jalan keluar sekiranya mereka meninggalkan Kristian dan masuk Islam!



Awas Godaan Fizikal!





Ayat Mas Alkitab

“Segala sesuatu halal bagiku, tetapi bukan semuanya berguna. Segala sesuatu halal bagiku, tetapi aku tidak membiarkan diriku diperhamba oleh suatu apapun.... Tetapi tubuh bukanlah untuk percabulan, melainkan untuk Tuhan, dan Tuhan untuk tubuh. Atau tidak tahukah kamu, bahwa tubuhmu adalah bait Roh Kudus yang diam di dalam kamu, Roh Kudus yang kamu peroleh dari Allah, dan bahwa kamu bukan milik kamu sendiri? Sebab kamu telah dibeli dan harganya telah lunas dibayar: Karena itu muliakanlah Allah dengan tubuhmu!”
(1 Korintus 6:12, 13b, 19 – 20)



Kata-kata Mutiara

Kita perlu tetapkan batas pada aspek-aspek fizikal perhubungan kita sebelum kita jatuh ke dalam lembah godaan.



Aktiviti Bersama

Apa Batas Aku?

Adakah anda seorang pengambil risiko ... seorang yang akan mara ke hadapan dengan berani ke mana orang lain tak berani jejak ... atau seorang yang santai berbaring tenang sambil goyang kaki?

Saya adalah seorang yang akan...	Sangat Pasti!	Kadang-kadang	Tidak sama sekali!
1. Membeli-belah tanpa berhenti sehingga saya rasa puas.			
2. Ketawa besar dengan mulut saya terbuka luas.			
3. Terus meminta maaf jika saya telah membuat satu kesalahan.			
4. Hanya akan berehat apabila saya telah menyelesaikan suatu tugas.			
5. Bangkit untuk orang yang tertindas			
6. Beritahu guru atau pemimpin saya bahawa dia silap.			

Saya adalah seorang yang akan...	Sangat Pasti!	Kadang-kadang	Tidak sama sekali!
7. Pejamkan mata bila adegan seram dalam filem bermula.			
8. Bergurau dan melakukan senda praktikal ke atas guru atau pemimpin saya.			
9. Beritahu seorang kawan nafasnya berbau.			
10. Menyalin jawapan kawan saya daripada membuat kerja rumah saya sendiri.			



Renungan Firman Tuhan

1. Kita diciptakan serupa dengan Tuhan, iaitu yang berperasaan dan berghairah seperti-Nya. Bagaimanakah Allah menggambarkan Diri-Nya dalam Hosea 2:14-15?
2. Apa yang dimaksudkan Tuhan Dia adalah seorang suami yang mengasihi (Yesaya 54:5-8)?
3. Mengapa kita perlu mempunyai batas dalam perhubungan dan pergaulan kita dengan orang-orang yang berlawanan jenis dengan kita?
4. Walaupun kita mempunyai kebebasan untuk memilih, apa yang diajarkan oleh Alkitab tentang pilihan kita? (1 Korintus 6:12)
5. Apakah prinsip pertama yang kita belajar daripada Rasul Paulus tentang kebebasan melakukan sesuatu? (1 Korintus 6:12)

6. Ada satu lagi prinsip yang dikemukakan oleh Paulus dalam 1 Korintus 6:19-20. Apakah itu? Bagaimana prinsip ini boleh dikaitkan dengan perhubungan kita?
7. Apa amaran Alkitab tentang nafsu? (2 Timotius 2:22)
8. Apa kata Alkitab tentang percubaan dan godaan yang kita hadapi? (1 Korintus 10:13)
- 



Renungan Pribadi

Ingatlah pada suatu waktu yang berlainan, setiap remaja dan belia yang normal akan berhadapan dengan godaan seksual. Walaupun mereka tahu apa yang seharusnya mereka lakukan, ia tetap menjadi satu pergumulan dan perjuangan yang besar. Apakah langkah-langkah praktikal yang boleh diambil dalam mengatasi godaan-godaan seksual terutama dalam soal berpacaran?

Santapan Minda

"Dua fakta tentang seks yang dirasakan oleh seorang lelaki atau perempuan yang normal adalah: pertama ia adalah indah; dan kedua, ia sangat berbahaya." ~ Iln 1/9/09



Doa

Serahkan perhubungan dan tubuh anda kepada Tuhan, supaya Dia akan menjaganya agar tetap kudus dan menyenangkan di mata Tuhan. Berdoalah agar Dia memberi anda hikmat dan bijaksana untuk mengelakkan diri daripada jatuh ke keadaan yang berkompromi, supaya anda dapat bangkit menguasai godaan.

Dari Hati Ke Hati





Ayat Mas Alkitab

“Kasih itu sabar; kasih itu murah hati; ia tidak cemburu. Ia tidak memegahkan diri dan tidak sombong. Ia tidak melakukan yang tidak sopan dan tidak mencari keuntungan diri sendiri. Ia tidak pemarah dan tidak menyimpan kesalahan orang lain. Ia tidak bersukacita karena ketidakadilan, tetapi karena kebenaran. Ia menutupi segala sesuatu, percaya segala sesuatu, mengharapkan segala sesuatu, sabar menanggung segala sesuatu.”

(I Korintus 13:4-7)



Kata-kata Mutiara

Tidak kira apa saja jenis perhubungan yang kita terlibat, kita perlu memastikan Tuhan berada di pusatnya dan menjaga semua perhubungan kita itu murni dan memuliakan-Nya.



Aktiviti Bersama

Satu Peringatan!

Dari Persahabatan Ke Perkahwinan

Pernakah anda terfikir tentang berbagai perbuatan fizikal dan di mana mereka ditempatkan dalam pelbagai perhubungan yang anda lalui? Dalam setiap kes, apa saja batas yang anda ambil?

Ingat! Pertimbangkan semua ini dari segi apa yang anda telah pelajari di Sesi 3, iaitu meletakkan kasih dan kekudusan di tengah-tengah perhubungan anda. Tanyakan diri sendiri samada perbuatan anda akan menyenangkan hati dan memuliakan Tuhan.

Di bawah adalah satu senarai akronim untuk pelbagai perbuatan yang berbeza. Tuliskan dalam ruang atau ruang-ruang yang mewakili perhubungan di mana anda fikir perbuatan itu akan menyenangkan Tuhan dan boleh diterima dalam perhubungan tersebut.

HH	Memegang tangan	H	Memeluk
AS	Berganding bahu*	PC	Ciuman di pipi
LK	Ciuman ringan	FK	Ciuman lidah

(* Berkambai dalam bahasa Sabah)

TO	Membelai/meraba di luar pakaian
TI	Meraba di bawah/dalam pakaian
TS	Menyentuh kemaluan pasangan
SI	Persetubuhan

Kawan biasa saja	Keluar dating	Berpacaran	Sedang bertunang	Berkahwin akhirnya!



Renungan Firman Tuhan

Kasih adalah...

Anda telah pun diingatkan dalam sesi-sesi yang lalu bahawa kasih harus menjadi asas bagi semua perhubungan anda. Baca 1 Korintus 13:1-7 dan tuliskan semula petikan tersebut dengan menggunakan perkataan anda sendiri:

Penyusunan Semula 1 Korintus 13:1-7 Saya.....

Jika saya memiliki kesemua kebolehan untuk bercakap dalam _____ tetapi tidak mempunyai kasih, maka saya tidak lebh daripada _____. Jika saya memiliki kesemua kuasa untuk _____ dan mengetahui segala sesuatu tentang _____, dan jika saya boleh melakukan _____ tetapi tidak mempunyai kasih, maka hidup saya adalah _____. Jika saya memberikan _____ dan mengorbankan _____ tetapi tidak mempunyai kasih, saya _____.

Bagaimanakah Saya boleh menggambarkan kasih dengan cara-cara yang praktikal?

- ⚙ Kasih itu sabar, itu bermaksud _____
- ⚙ Kasih itu murah hati, bererti _____
- ⚙ Ia tidak cemburu, yang bermaksud _____
- ⚙ Ia tidak memegahkan diri, iaitu _____
- ⚙ Ia tidak sombong, ini bermakna _____
- ⚙ Ia tidak melakukan yang tidak sopan, dan itu bererti _____
- ⚙ Tidak juga ia mencari keuntungan diri sendiri, bermaksud _____
- ⚙ Ia tidak pamarah. Itu bermaksud _____
- ⚙ Ia tidak menyimpan kesalahan orang lain, iaitu _____
- ⚙ Tidak juga ia bersukacita kerana ketidakadilan, bererti _____
- ⚙ Tetapi ia bersukacita kerana kebenaran, iaitu _____
- ⚙ Ia menutupi segala sesuatu, bermaksud bahawa _____
- ⚙ Ia percaya segala sesuatu, membawa erti _____
- ⚙ Ia juga mengharapakan segala sesuatu, bermaksud bahawa _____
- ⚙ Dan akhirnya, ia sabar menanggung segala sesuatu. Ini bermaksud _____




Renungan Peribadi

Ikhar Kemurnian & Kesucian

Jika anda serius tentang inginkan kehidupan yang memuliakan dan menyenangkan Tuhan, adakah anda bersedia untuk menyerahkan

perhubungan dengan lawan jenis anda (jika dan bila ia datang) ke dalam kuasa Tuhan?

Adakah anda bersedia membuat janji di bawah untuk menyatakan komitmen anda kepada Tuhan? Bacalah apa yang ia katakan, dan jika anda sanggup, turunkan tandatangan dan tuliskan tarikh janji itu.



Janjiku Kepada Tuhanku

Kerana saya mengingini yang terbaik daripada Tuhan untuk hidup saya, saya memilih untuk sentiasa meletakkan Dia di pusat segala perhubungan dengan lawan jenis saya. Saya juga memilih untuk menjaga kesemua perhubungan saya supaya murni dari segi seks dan memuliakan-Nya. Bagi tujuan ini, saya menyerah tubuh saya kepada-Nya dan orang yang Dia pilihkan untuk diri saya.

Tandatangan Tarikh

Santapan Minda

“Menjaga kesucian diri adalah sifat Kristian yang paling tidak popular di mata duniawi. Tidak ada cara untuk mengelakkannya. Peraturan Kristian kuno ini mengatakan, ‘perkahwinan dengan kesetiaan sepenuhnya terhadap pasangan anda, atau penahanan nafsu secara total.’”

~ C.S. Lewis



Doa

Berdoalah supaya Dia akan memegang dan mendengar janji yang anda telah buat dengan-Nya. Berdoalah supaya Dia akan menyediakan pasangan hidup yang tepat bagi anda, tepat dalam waktu-Nya dan anda akan belajar untuk mematuhi-Nya dan menjadikannya sebagai pusat dalam kehidupan anda.



Masih Popular?





Ayat Mas Alkitab

Jawab Yesus: "Tidakkah kamu baca, bahwa Ia yang menciptakan manusia sejak semula menjadikan mereka laki-laki dan perempuan? Dan firman-Nya: Sebab itu laki-laki akan meninggalkan ayah dan ibunya dan bersatu dengan isterinya, sehingga keduanya itu menjadi satu daging. Demikianlah mereka bukan lagi dua, melainkan satu. Karena itu, apa yang telah dipersatukan Allah, tidak boleh diceraikan manusia."

(Matius 19:4-6)



Kata-kata Mutiara

Perkahwinan telah ditahbiskan oleh Allah sebagai satu penyatuan kekal di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan.



Aktiviti Bersama

Pasaran Perkahwinan?

Adakah perkahwinan sesuatu yang serius? Apa pandangan anda tentang perkahwinan?

1. Saya memandang perkahwinan sebagai:

- | | |
|---|--|
| ☐ Suatu kontrak yang sah | ☐ Suatu upacara agama |
| ☐ Suatu adat sosial | ☐ Ditahbis oleh Tuhan |
| ☐ Lain _____ | |

2. Pandangan saya tentang perkahwinan banyak dipengaruhi oleh:

- | | |
|--|---------------------------------------|
| ☐ Ibu bapa saya | ☐ Filem dan TV |
| ☐ Kawan saya | ☐ Agama saya |
| ☐ Tradisi | ☐ Lain _____ |

3. Kebanyakan orang berkahwin kerana:

- | | |
|--|--|
| ☐ Mereka saling mencintai | ☐ Mereka ingin mempunyai anak |
| ☐ Mereka dipaksa oleh ibu bapa | |
| ☐ Mereka tidak mahu hidup sendirian di hari tua | |
| ☐ Itu yang bisa dilakukan oleh kebanyakan orang | |
| ☐ Lain _____ | |

4. Saya mahu berkahwin kerana:

- | | |
|---|---|
| ☐ Saya mahu mempunyai anak | ☐ Semua orang juga berkahwin |
| ☐ Saya tidak mahu menjadi "perawan tua/bujang lapuk" | |
| ☐ Saya mahu berkongsi hidup saya dengan seseorang | |
| ☐ Saya mahu seseorang menjaga saya bila saya sudah tua | |
| ☐ Lain _____ | |

5. Apa yang anda cari dalam satu perkahwinan?

- | | |
|---|---------------------------------------|
| ☐ Persahabatan | ☐ Seks |
| ☐ Anak | ☐ Wang/Jaminan |
| ☐ Cinta romantik | ☐ Kegemibiraan |
| ☐ Seseorang untuk membuat segala keputusan | |
| ☐ Lain _____ | |

6. Saya berpendapat bahawa usia yang terbaik untuk berkahwin adalah antara (bulatkan jawapan anda):

Perempuan	16-20	21-25	26-30	31-35	36-40	41-45
Lelaki	16-20	21-25	26-30	31-35	36-40	41-45

7. Hidup bersama (tanpa ikatan perkahwinan) adalah:

- ☐ Lebih baik daripada berkahwin sebab anda tidak terikat kepada satu dengan lain dari segi undang-undang
- ☐ Cara terbaik untuk menentukan samada pasangan tersebut sepadan atau tidak sebelum mereka memutuskan untuk berkahwin
- ☐ Satu alternatif yang lebih baik daripada perkahwinan jika kedua-duanya belum lagi bersedia untuk berumah tangga.
- ☐ Lebih baik daripada berkahwin sebab kedua-duanya mempunyai kebebasan untuk keluar jika mereka merasa tidak serasi.
- ☐ Tidak OK sebab pasangan tersebut melakukan sesuatu yang salah di mata Tuhan.
- ☐ Lain _____

8. Adakah anda setuju dengan pernyataan berikut:

	Setuju	Tak Setuju
a. Perkahwinan adalah idea kolot yang harus berubah mengikut zaman.	☐	☐
b. Perkahwinan harus dijaga untuk selama-lamanya.	☐	☐
c. Bila anda tidak saling mencintai lagi, bercerai adalah lebih baik daripada bertahan dalam perkahwinan.	☐	☐
d. Perceraian adalah OK bila tiada anak terlibat	☐	☐
e. Tidak ada salahnya mengahwini seorang dari jantina yang sama selagi anda cintai orang itu.	☐	☐
f. Hidup bersama adalah OK jika anda berniat mengahwini orang tersebut di masa hadapan.	☐	☐
g. Lebih baik berkahwin daripada membujang.	☐	☐



Renungan Firman Tuhan

Wawancara Eksklusif Dengan Tuhan Tentang Perkahwinan

Bayangkan anda adalah seorang jurnalis dan anda mempunyai satu sesi wawancara eksklusif dengan Tuhan. Anda ingin mencari tahu daripada-Nya mengapa Dia mentahbis dan menetapkan institusi perkahwinan antara lelaki-perempuan dan perkara apa yang terlibat.

- ♦ Baca Kejadian 2:15-25 dan Matius 19:3-8. Fikirkan beberapa soalan yang anda ingin tanyakan kepada Tuhan. Kemudian tulis soalan-soalan anda dalam lembaran wawancara di bawah.
- ♦ Apabila anda telah selesai, tukarkan lembaran wawancara anda (buku anda) dengan kumpulan yang lain. Baca soalan-soalan mereka dan tuliskan jawapan yang anda fikirkan Tuhan akan berikan kepada mereka.

Soalan:

Tuhan:

Soalan:

Tuhan:

Soalan:

Tuhan:

1. Apakah tujuan asal Allah mencipta manusia — lelaki dan perempuan? (Kejadian 2:18-23)
2. Apa yang mereka harus lakukan dan untuk tujuan apa? (Matius 19:4-5)
3. Apa yang dimaksudkan dengan 'menjadi satu daging'? (Kejadian 2:24; Matius 19:5-6).
4. Mengapa Tuhan mengecam perbuatan zina? (1 Korintus 6:16)
5. Allah menginginkan penyatuan perkahwinan yang utuh. Apakah perintah Tuhan tentang hal ini? (Matius 19:6)
6. Apa erti perintah Allah untuk manusia supaya beranak-pinak? (Kejadian 1:27-28)



Renungan Peribadi

Berikut ada beberapa situasi, dan anda diminta untuk memberi respon kepada situasi tersebut. Pembimbing anda akan membahagikan anda kepada beberapa kumpulan kecil untuk membincang situasi tertentu. Catatkan juga hasil perbincangan kumpulan lain:

Situasi A

Kawan anda (bukan Kristian) telah memberitahu anda bahawa dia tidak keberatan hidup bersama dengan teman lelakinya jika satu hari nanti dia

dapat bertemu dengan seseorang. Dia hendak tahu apakah pendapat anda dan adakah anda juga akan melakukan perkara yang sama.

Situasi B

Anda sedang berbincang dengan seorang kawan bukan Kristian tentang isu perceraian. Dia berkata perceraian seharusnya tidak jadi masalah jika tiada lagi rasa cinta di antara suami dan isteri, sebab tiada apa-apa lagi yang memegang perkahwinan itu bersama. Apa pendapat anda? Berikan sebab-sebab kenapa anda setuju atau tidak setuju dengan pandangannya.

Situasi A

Kelas anda sedang mengadakan debat tentang isu gender. Seseorang berkata bahawa tiada salahnya dengan perkahwinan sama jenis kerana orang harus diberi kebebasan memilih dengan siapa mereka hendak kahwin. Apa pandangan anda tentang hal ini?

Santapan Minda

“Perkahwinan boleh memperbesar kebahagiaan dan penderitaan kita. Sebuah perkahwinan yang berlandaskan kasih adalah menyenangkan, menarik, dan bahagia. Sebuah perkahwinan yang bahagia memiliki di dalamnya semua kenikmatan persahabatan, semua kesenangan indera dan akal, dan semua kemanisan kehidupan.”

~ Joseph Addison

**Doa**

Ambil masa untuk berdoa syafaat bagi dua golongan orang:

- a. Ibu bapa anda
- b. Pemimpin gereja anda

Berdoalah supaya Tuhan akan melindungi dan memberkati perkahwinan mereka supaya kesatuan dan cinta kasih mereka akan terus bertambah di dalam-Nya.

Pasangan Yang Setara?



“Hai isteri, tunduklah kepada suamimu seperti kepada Tuhan, karena suami adalah kepala isteri sama seperti Kristus adalah kepala jemaat. Dialah yang menyelamatkan tubuh. Hai suami, kasihilah isterimu sebagaimana Kristus telah mengasihi jemaat dan telah menyerahkan diri-Nya baginya.” (Efesus 5:22, 23, 25)



Resepi Sebuah Perkahwinan yang Sukses

② Peranan seorang isteri menurut Alkitab



Renungan Firman Tuhan

1. Apakah peranan seorang suami dalam satu rumahtangga? (Efesus 5:23)
2. Seorang suami juga diperintah oleh Tuhan untuk apa? Kenapa? (Efesus 5:25-33)
3. Bagaimana dia harus mengasihi isterinya? (Efesus 5: 28)
4. Apa peranan seorang isteri dalam perhubungannya dengan pasangannya? (Efesus 5:22-24)
5. Sebagai umat Allah, kita diseru untuk merendahkan diri dan tunduk kepada satu sama lain. Apa yang dapat kita pelajari sikap ini daripada Yesus? (Filipi 2:3-8)
6. Apa lagi yang dituntut daripada seorang isteri? (Efesus 5:33)
7. Apakah peranan bersama yang harus dimainkan oleh sepasang suami dan isteri?



Renungan Peribadi

Fikirkan beberapa masalah yang biasanya dihadapi oleh seorang suami atau isteri. Kumpulan dari lawan jenis akan cuba menjawab pertanyaan tersebut. (Contohnya: pihak perempuan mungkin boleh

bertanya, ‘apakah yang harus dilakukan oleh si suami sekiranya dalam satu pertengkaran, kedua-dua suami dan isteri mengatakan mereka yang benar. Dan si isteri pula menangis.’)

Masalah/Situasi

Penyelesaian

Masalah/Situasi

Penyelesaian

Santapan Minda

“Ada yang berdoa supaya dapat berkahwin dengan orang yang mereka cintai. Tetapi doa saya berbeza sedikit: dengan rendah hati saya berdoa kepada Tuhan supaya saya akan mencintai orang yang saya kahwini.”

~Rose Pastor Stokes (1879-1933), *My Prayer*



Doa

Berdoalah agar anda menyimpan dalam hati apa yang telah anda pelajari hari ini. Berdoalah agar anda akan memenuhi perintah Tuhan sesuai dengan peranan yang Dia telah tetapkan untuk seorang suami atau isteri apabila anda berumahtangga satu hari nanti.

Bujang Tapi Puas





Ayat Mas Alkitab

Yesus menjawab, “Tidak semua orang dapat menerima kata-kata itu, hanya orang-orang yang sudah ditentukan oleh Allah. Karena ada orang yang tidak dapat kawin, sebab mereka memang lahir begitu. Ada juga yang tidak dapat kawin sebab ia dibuat begitu oleh orang lain. Dan ada pula yang memilih sendiri untuk tidak kawin, supaya dapat melayani Allah. Orang yang sanggup menerima pengajaran ini, biarlah ia menerimanya.”
(Matius 19:11-12)



Kata-kata Mutiara

Membujang adalah satu karunia dari Tuhan, hanya diberi kepada mereka yang dapat menerimanya.



Aktiviti

Bersama Dicipta Untuk Pesanan

Bayangkan anda boleh ‘membeli’ apa sahaja pasangan hidup yang anda impikan dalam satu pusat membeli-belah yang istimewa. Anda hanya perlu pilih segala ciri-ciri yang anda ingini dan mereka akan berikan orang itu ‘sesuai dengan pesanan anda’!

Peraturan bagi para ‘pembeli’:

1. Anda hanya dibenarkan memilih dua ciri bagi setiap kategori.
2. Sebaik sahaja anda telah melakukan pilihan anda, tandakan ciri-ciri yang anda ingini di kolum .
3. Bonus: Anda dibenarkan untuk memasukkan dua ciri tambahan tentang perkara yang telah anda pilih. Contohnya, untuk “Wajah yang Menarik”, anda mungkin hendak tambah “mata yang bulat dan besar” dan “hidung yang mancung”.

Lengkapkan butir-butir yang berikut:

Jantina pasangan yang diingini : _____

Usia/Julat Usia _____

Kategori	Perkara		Ciri-ciri Bonus:
A	• Wajah yang Menarik • Popular di kalangan lawan jenis • Kristian yang komited • Peramah dan bijaksana	☐ ☐ ☐ ☐	
B	• Bentuk badan yang tegap/ langsing • Mempunyai humor yang baik • Suka bergaul dan ceria • Pendiam dan bersopan • Murah hati	☐ ☐ ☐ ☐ ☐	
C	• Giat dalam sukan • Jujur • Ketinggian yang tepat • Pergi gereja • Berpakaian rapi dan cantik	☐ ☐ ☐ ☐ ☐	
D	• Gemari drama, seni, muzik • Bercita-cita tinggi • Rajin • Suka kanak-kanak • Karakter yang kuat	☐ ☐ ☐ ☐ ☐	
E	• Kaya • Kerjaya yang baik • Orang yang setia • Ramah dan baik hati • Pekerja Kristian penuh-masa	☐ ☐ ☐ ☐ ☐	



Renungan Firman Tuhan

1. Apa pandangan dunia tentang orang yang hidup membujang?
2. Apakah 3 golongan orang yang disebutkan oleh Yesus yang tidak akan berkahwin? (Matius 19:12)
 - (i) _____
 - (ii) _____
 - (iii) _____

3. Apa pandangan Paulus tentang hidup membujang? (1 Korintus 7:7)
4. Bagaimana sikap kita walaupun kita mungkin tidak akan berkahwin di hayat kita? (1 Timotius 6:6)
5. Apa kelebihan mereka yang tidak berkahwin menurut Paulus dibandingkan dengan mereka yang berkahwin? (1 Korintus 7:3-35)



Renungan Peribadi

Fikirkan apa yang telah kita bincangkan tentang membujang. Dan fikir kembali apa yang anda telah tuliskan di awal sesi hari ini tentang orang yang membujang. Apa yang harus berubah dalam sikap dan pandangan anda terhadap mereka yang tidak berkahwin?

Santapan Minda

“Kepada mereka yang belum berkahwin dan kepada wanita yang sudah menjadi balu, inilah nasihatku: Lebih baik kamu tetap hidup sendirian seperti aku. Tetapi jika kamu tidak dapat menahan nafsu, maka berkahwinlah. Lebih baik kamu berkahwin daripada nafsu berahi kamu berkobar-kobar.” ~ Paulus (1 Korintus 7:8,9)



Doa

Fikirkan orang dalam jemaat atau persekutuan anda yang masih tidak kahwin. Berdoalah bagi mereka supaya:

1. Tuhan akan membantu mereka menerima status bujang mereka dan belajar untuk hidup berbahagia di berpuas hati dengannya.
2. Mereka akan menumpukan tenaga mereka kepada melayani Tuhan dengan setia.
3. Jemaat lain akan belajar untuk memahami dan menerima mereka dan bukannya memberi tekanan yang tidak diinginkan ke atas mereka supaya berkahwin.

Sudah Tidak Serasi Lagi?





Ayat Mas Alkitab

Kata Yesus kepada mereka: “Karena ketegaran hatimulah Musa telah mengizinkan kamu menceraikan isterimu, tetapi sejak semula tidaklah demikian. Tetapi Aku berkata kepadamu: Barangsiapa menceraikan isterinya, kecuali karena zina, lalu kawin dengan perempuan lain, ia berbuat zina.”
(Matius 19:8-9)



Kata-kata Mutiara

Rancangan Allah dari awal Penciptaan adalah supaya seorang lelaki dan seorang perempuan diikat bersama dalam satu perkahwinan yang kekal yang tidak dapat dipecahkan.



Aktiviti Bersama

Mengenali Jiran Anda

Bayangkanlah anda hidup dalam satu lingkungan kejiiran yang amat menarik. Di hadapan rumah anda ada sebaris rumah teres yang diduduki oleh lima pasangan muda.

Jiran sebelah anda telah mendengar desas-desus bahawa ada di antara mereka yang belum berkahwin tetapi memperkenalkan diri mereka sebagai suami dan isteri. Sejak itu dia telah cuba untuk mencari tahu pasangan yang manakah yang hanya hidup bersama. Salah satu ‘pasangan’ ini adalah dua perempuan bujang yang mempunyai nama keluarga yang sama tetapi tidak kelihatan seperti adik-beradik. Maka jiran anda tidak sabar-sabar untuk berkongsi dengan anda spekulasi dirinya tentang ‘pasangan’ ini.

Nama-nama perempuan tersebut adalah Suzy, Grace, Lisa, Jenny, Mee Ling dan Su Ann. Nama-nama lelaki tersebut adalah Alex, Paul, Kee Soon dan Thomas. Dari petunjuk yang berikut, carilah nama penuh pasangan tersebut dan di mana mereka tinggal. Kemudian tuliskan nama mereka di dalam rajah di bawah ini.



Pandangan deretan rumah di hadapan rumah Anda

← Kiri

Kanan →

Petunjuk:

- Alex adalah jiran sebelah Su Ann dan pasangan Ling adalah jiran sebelahnya yang satu lagi.
- Pasangan Maniam tinggal di rumah paling hujung di sebelah kiri anda; Paul pula tinggal di rumah paling kanan.
- Suzy adalah jiran sebelah Kee Soon dan jirannya yang satu lagi adalah Lisa.
- Kedua-dua Mee Ling dan Lisa tinggal di sebelah timur pasangan Lee.
- Lisa tinggal bersebelahan dengan pasangan Tan.
- Thomas tinggal di sebelah barat pasangan Mathews dan sebelah timur Su Ann.
- Grace dan Mee Ling adalah jiran bersebelahan. Pasangan Mathews juga tinggal di sebelah Mee Ling tetapi pada sebelah yang lain.



Renungan Firman Tuhan

1. Apa tujuan Tuhan mencipta lelaki dan perempuan sejak Penciptaan? (Matius 19:4-5; Markus 10:6-8).
2. Apa yang dilihat oleh Tuhan untuk sepasang lelaki dan perempuan yang disatukan dalam perkahwinan? (1 Korintus 6:16-17)
3. Kenapakah pasangan yang telah disatukan tidak boleh dipisahkan? (Matius 19:6; Markus 10:8-9).
4. Apa pandangan Allah terhadap perceraian? (Maleakhi 2:15-16).
5. Dalam situasi yang bagaimanakah perceraian diizinkan walaupun tidak diperintahkan? (Ulangan 24:1-4)
6. Apakah satu-satu alasan yang diberikan oleh Yesus yang mengizinkan perceraian? (Matius 19:9, 5:32)

7. Apa kata Yesus terhadap mereka yang berkahwin semula ketika pasangan mereka masih hidup? (*Markus 10:11-12*).
8. Apa yang berlaku jika seorang Kristian berkahwin dengan seorang pasangan bukan Kristian dan pasangan tersebut menuntut cerai? (*1 Korintus 7:12-16*).
9. Jika suami isteri tidak dibenarkan untuk bercerai, bolehkah mereka berpisah hidup? (*1 Korintus 7:10-11*).



Renungan Peribadi

Adakah anda mempunyai teman atau mengenali seseorang yang berasal dari keluarga di mana orang tuanya telah bercerai atau berpisah? Ambil beberapa minit untuk mendoakan mereka.

Santapan Minda

“Semua [gereja-gereja Kristian] menganggap perceraian sebagai sesuatu yang diibaratkan memotong tubuh yang hidup seperti dalam satu operasi pembedahan. Ada yang berpendapat pembedahan itu terlalu bahaya sehingga ia tidak boleh dijalankan sama sekali; ada yang mengakuinya sebagai ubat putus asa. Mereka semua sepakat bahawa itu lebih seperti memotong kedua kaki anda daripada membatalkan satu kontrak bisnes.... Apa yang mereka semua tidak bersetuju adalah pandangan dunia moden di mana ia adalah satu penyesuaian kecil yang akan dibuat setiap kali orang merasa mereka tidak lagi cinta satu sama lain, atau ketika salah satu daripada mereka jatuh cinta dengan orang lain.”

~ C.S. Lewis , *Mere Christianity*



Doa

Serahkan diri (dan pasangan) anda ke dalam tangan Tuhan, dan memohon supaya Dia mengajar anda untuk menyerahkan masa depan anda ke dalam tangan-Nya. Berdoalah supaya anda akan belajar untuk memuliakan-Nya dengan mengikuti jalan-Nya.

Panduan Pembimbing

Sesi 1: Sudah Sedia Untuk Berpacaran?**Objektif-Objektif Sesi**

1. Mengetahui bahawa Tuhan mencorakkan perhubungan antara lelaki dan perempuan yang berakhir sebagai satu perhubungan perkahwinan yang kekal.
2. Memahami bahawa tidak salah untuk mengingini satu perhubungan serius, tetapi lebih bermanfaat jika ianya bermula dengan satu perhubungan persahabatan yang baik.
3. Mempelajari apa yang terlibat dalam perhubungan antara lelaki dan perempuan.
4. Menegaskan kualiti-kualiti positif yang akan mereka temui dalam teman-teman lawan jenis mereka.

**Pencetus Minat****Keinginan Hatiku**

Tujuan aktiviti ini adalah untuk para peserta menyatakan mengapa mereka inginkan satu perhubungan yang serius dengan seseorang.

1. Bahagikan para peserta kepada kumpulan-kumpulan lelaki dan perempuan, dengan empat atau lima orang sekumpulan.
2. Suruh mereka berbincang tentang sebab-sebab mereka menghendaki seorang teman lelaki atau perempuan.
3. Suruh mereka menyusun senarai sebab-sebab tersebut mengikut keutamaan. Lihat samada mereka dapat mencapai kata sepakat tentangnya.
4. Catatkan hasil mereka di papan tulis dan suruh mereka bandingkan perbezaan antara senarai yang dihasilkan oleh kumpulan lelaki dan kumpulan perempuan. Anda juga boleh menyuruh mereka berbincang mengapa pandangan kedua-duanya berbeza.

**Renungan Firman Tuhan****A. Pengenalan**

1. Topik perbualan yang paling hangat apabila anda berkumpul dengan teman-teman sejawat anda adalah tentang hal-hal berkaitan dengan jantina yang lain, bukan? (*Biar mereka memberi respon*)
2. Tidak ada yang lebih menarik dalam kehidupan anda pada masa ini selain daripada mula memikirkan tentang berpacaran, walaupun

- anda hanya melihat mereka dari jauh.
3. Anda menginginkan seseorang untuk dijadikan teman istimewa tetapi anda tidak tahu apa yang harus anda lakukan. Seribu satu soalan muncul dalam fikiran anda seperti '*Apakah yang dia fikirkan tentang saya?*' atau '*Apakah yang harus saya katakan kepadanya?*'
 4. Mungkin ramai kawan-kawan anda sudah menghebohkan tentang 'teman istimewa' mereka dan anda tertanya-tanya apakah yang tidak kena dengan anda? Anda telah berdoa dan secara diam-diam mengharapakan 'si dia' akan muncul tetapi tiada siapa yang datang.
 5. Atau mungkin ada di antara anda yang sudah mempunyai pacar tetapi tidak mahu orang lain mengetahuinya, apa lagi oleh pemimpin anda!
 6. Apa yang harus anda lakukan tentang hal ini sebagai seorang belia Kristian? Bagaimana anda boleh menjalinkan satu perhubungan yang bertumpu kepada Tuhan dan yang menyenangkan-Nya?
 7. Sesi ini akan cuba menyelidiki pelbagai isu yang berkaitan dengan perhubungan antara lelaki dan perempuan. Semoga ia akan memberi satu rangka Alkitabiah supaya anda dapat belajar untuk membuat pilihan yang bijak dan betul dalam aspek kehidupan anda yang amat penting ini.

B. Kehidupan Adalah Tentang Perhubungan

1. Kehidupan ini adalah berkenaan dengan pelbagai perhubungan. Ia bermula di Taman Eden bila TUHAN mencipta Adam dan Hawa.
2. TUHAN mencipta kedua-dua jantina kerana Dia tahu bahawa mereka dapat saling memberi pertemanan yang tidak dapat diberi oleh apapun di dunia ini. (*Suruh mereka baca Kejadian 2:18-23*).
3. Lelaki dan perempuan adalah makhluk yang berhubungan. Ini bermaksud, Tuhan telah mencipta kita dengan satu keperluan untuk menjalinkan perhubungan — pertama-tama dengan Dia, kemudian antara satu sama lain.
4. Tidak salah untuk kita memiliki keinginan untuk menjalinkan perhubungan istimewa dengan seseorang. Itu juga merupakan rancangan istimewa Tuhan untuk kita.
5. Namun begitu, apa sebenarnya tujuan perhubungan ini? (*Biar mereka memberi respon*)
6. (*Suruh mereka baca Kejadian 2:24-25*). Tujuan muktahir Tuhan mencipta kita dengan keinginan semula jadi untuk mempunyai hubungan dengan jantina yang lain adalah supaya kita berakhr dalam suatu perhubungan perkahwinan.
7. Anda perlu ingat hal ini apabila anda ingin memulakan satu

perhubungan yang serius. Ia bukan sekadar untuk bersuka-ria dan kesenangan, atau mempunyai seorang untuk dipertunjukkan sebagai teman istimewa anda, atau untuk menjadikan anda rasa puas tentang diri sendiri. Ia melibatkan dua jiwa yang sedang bergerak secara serius menuju komitmen muktahir itu.

8. Bagaimanapun, anda juga perlu ingat bahawa ada beberapa pengecualian. Walaupun itu adalah rancangan Tuhan yang sempurna, bukan semua orang akan berakhir dengan berkahwin. (*Suruh mereka baca 1 Korintus 7:1-2, 6-7, 32-35*).
9. Setiap kita mempunyai karunia tersendiri daripada Allah. Kehidupan Yesus adalah satu contoh seseorang yang mempunyai karunia perbujaan dan Dia menjalankan kehidupan yang penuh sebagai seorang bujang.
10. Paulus sebenarnya menggalakkan jemaat di Korintus untuk memper-timbangkan tidak mengejar perhubungan antara lelaki dengan perempuan yang serius dan tetap bujang supaya mereka boleh melayani Tuhan dengan lebih baik.

C. Suatu Garis Kehidupan Perhubungan

1. Lukis garis kehidupan berikut di atas papan tulis:

Kehidupan anda dengan orang dari lawan jenis:

Tahun	0 – 11	12 – 19	20 – 25	26 keatas
	Tiada perasaan/ minat istimewa terhadap orang dari lawan jenis.	Minat memuncak - tempat ujian untuk perhubungan	Giat mencari jodoh pasangan hidup	Tahun-tahun berkahwin – komitmen kpd pasangan hidup

2. Dari garis kehidupan ini, anda akan dapati bahawa banyak yang dipertaruhkan pada zaman remaja anda. Inilah masanya bila anda akan belajar menjalin persahabatan dengan orang yang berlawanan jenis.
3. Pada masa inilah anda akan membentuk tabiat-tabiat dan corak-corak yang akan menentukan bagaimana anda berkomunikasi dengan pasangan hidup anda kelak.
4. Zaman remaja bukannya tahun-tahun untuk melibatkan diri dalam perhubungan yang serius – anda mempunyai banyak masa dalam tahun-tahun kolej atau bekerja anda. Zaman remaja adalah tahun-tahun untuk menjalin persahabatan baik dan belajar berkomunikasi dengan anggota dari jantina yang lain.
5. Tujuan zaman awal remaja ini seharusnya adalah untuk berkenalan dengan ramai budak lelaki dan perempuan dengan pelbagai ragam dan keperibadian. Ini juga merupakan masa untuk mendewasa dan bertumbuh dalam karakter supaya anda lebih mampu membuat

keputusan bijak dan baik tentang kehidupan anda.

6. Bila masa yang sesuai tiba, anda akan faham dengan lebih baik apa jenis orang yang anda ingin hidup bersama untuk seumur hidup anda.
7. Anda tidak 'jatuh cinta' buta-buta dengan orang pertama yang cuba menggoda atau bermain mata dengan anda! Anda akan belajar bagaimana melihat jauh lebih daripada penampilan luaran.
8. Ada banyak contoh di mana perempuan dan lelaki yang kurang berinteraksi dalam perhubungan lain, berkahwin dengan orang pertama yang mereka minati. Dan banyak perkahwinan seperti ini tidak berakhir dengan baik.
9. Alkitab tidak sebut tentang teman lelaki dan teman perempuan sebab kebanyakan perkahwinan pada zaman itu diatur oleh ibubapa. Perkahwinan pada masa itu berlaku sebaik sahaja mereka mencapai akhil baliq. Sebab itu, idea perhubungan lelaki-perempuan yang romantik tidak wujud.
10. Bagaimanapun, terdapat beberapa panduan dan prinsip tentang perlbagai perhubungan dalam Alkitab yang boleh kita pelajari bersama.

C. Kunci Emas

1. Cara terbaik untuk memulakan satu perhubungan lelaki-perempuan adalah menjadi kawan dahulu. Ini adalah asas terbaik untuk memulakan sebarang perhubungan yang berkekalan. Sebagai kawan, anda boleh belajar dari satu sama lain tanpa sebarang perasaan dan emosi yang mengaburkan pandangan.
2. Satu perhubungan yang serius harus berkembang secara natural daripada satu hubungan persahabatan yang baik di mana anda harus saling mengenali dan menghormati. Perhubungan yang berasal dari godaan hati dan tarikan mata biasanya tidak akan berpanjangan.
3. Yesus berkawan dengan orang dari kedua-dua jantina. (*Suruh mereka namakan beberapa kawan Yesus dari golongan perempuan. Rujuk kepada Lukas 8:1-3 dan Yohanes 11:5.*)
4. Dia tidak mempunyai perhubungan istimewa dengan sesiapaupun tetapi masih boleh memiliki kehidupan yang penuh. Dia mempunyai kawan dari kedua-dua jenis kelamin.
5. Cuba nikmati persahabatan yang baik dahulu. Anda tidak perlu sentiasa pergi ke sana sini untuk mencari seseorang yang berpotensi dijadikan teman lelaki atau perempuan. Anda mungkin merasa puas dan sukacita bila anda mempunyai seseorang yang istimewa, dan merasa diperlukan untuk sementara waktu. Tetapi pada usia muda itu, perhubungan sedemikian biasanya berakhir dengan

kesedihan dan persahabatan yang retak.

6. Berhubungan sebagai kawan dengan seseorang dari jantina yang lain, samada serius atau tidak, harus merangkumi:

a. Belajar Untuk Memahami

- i. *Bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan.*
- ii. *Suruh mereka bincang dan catat perkara-perkara yang mereka fikir selalu disalah-fahami oleh kawan lawan jenis terhadap mereka. Kemudian, suruh mereka senaraikan hal-hal yang mereka hendak kawan lawan jenis mereka untuk memahami tentang mereka.*
- iii. *Selalunya kita ada banyak idea dan prasangka yang tidak tepat tentang orang dari jantina yang lain. Dari mana datangnya idea-idea atau pandangan-pandangan ini? (Biar mereka jawab)*
- iv. *Banyak kali kita mendapat idea ini, samada betul atau salah, daripada buku-buku atau majalah-majalah yang kita baca, filem-filem yang kita tonton dan dari rakan sebaya kita.*
- v. *Anda akan dapati bahawa ada banyak aspek yang berbeza di antara anda dengan orang dari lawan jenis. Jangan berpegang kepada pandangan anda terhadap mereka. Belajar memahami mereka dan anda akan mendapati mereka sebenarnya menarik dan menyenangkan bila anda bersama mereka.*
- vi. *Bila anda memahami keperluan mereka, anda dapat belajar melayani mereka dengan cara yang mereka ingini, dan bukannya cara yang anda kehendaki. Ini akan membantu anda pada suatu hari kelak bila anda berkomunikasi dengan pasangan hidup anda.*
- vii. *Misalnya, belia lelaki tidak boleh melayan perempuan dengan cara yang sama mereka melayan sahabat-sahabat sejawat mereka sebab perempuan adalah lebih sensitif dan lebih senang tersinggung daripada lelaki. Oleh itu, seorang lelaki perlu lebih sensitif dalam bagaimana dan apa yang mereka katakan kepada seorang perempuan.*

b. Belajar Untuk Menghormati

- i. *(Suruh mereka baca Roma 12:10 dan 1 Timotius 5:1-2.)*
- ii. *Paulus menasihatkan kita untuk terlebih dahulu menghormati orang lain. Dalam perhubungan anda harus memperlakukan satu sama lain dengan hormat.*
- iii. *Harus ada kemurnian dan kekudusan dalam perhubungan lawan jenis anda.*

- iv. Anda harus memperlakukan teman-teman Kristian anda sebagai saudara atau saudari dalam Tuhan. Jangan perlakukan mereka seperti hasil taklukan anda.
- v. Ini bermakna anda tidak harus mempunyai motif tersembunyi dalam keinginan anda berkawan dengan seseorang dari jantina yang lain.
- vi. Ini juga bererti bahawa anda harus murni dalam fikiran dan dalam kontak fizikal anda dengan dia. Ini akan dibincangkan dalam sesi ketiga nanti.

c. Belajar Untuk Mengasih

- i. Ini bukan tentang kasih romantik yang hanya melibatkan perasaan.
- ii. Perasaan adalah sesuatu yang sementara. Mereka akan berubah terutamanya bila anda tidak bersetuju atau anda kecewa tentang seseorang.
- iii. Pemahaman Alkitab tentang kasih berasal dari teladan yang ditunjukkan oleh Tuhan sendiri. Ia adalah kasih yang sanggup mengorbankan dirinya untuk orang lain. Ia adalah kasih yang sanggup berjalan lebih jauh tanpa melihat adakah orang itu layak atau tidak.
- iv. Apakah perbezaan antara kasih romantik yang kebanyakan lelaki dan perempuan rasakan terhadap satu sama lain dengan kasih yang dikatakan oleh Alkitab? (*Biar mereka respon*).
- v. Kasih romantik hanya fikir tentang waktu ceria bersama dengan si dia. Fokusnya adalah kepada perasaan senang yang kita miliki terhadap seseorang.
- vi. (*Suruh mereka baca 1 Yohanes 4:7*)
- vii. Alkitab mengajar kita untuk saling mengasihi dalam segala perhubungan kita. Dalam Yohanes 11:5 kita baca tentang Yesus mengasihi Marta dan Maria. Saling mengasihi dengan cara Tuhan adalah lebih mendalam dan melepasi perasaan emosi.
- viii. Ia mengasihi walaupun perasaan itu sudah tiada. Ia melihat kebaikan seseorang tanpa menghiraukan bagaimana perasaan kita terhadapnya.

d. Belajar Memusatkan Tuhan Di Dalamnya

- i. Apa yang penting dalam satu persahabatan, terutamanya dalam satu perhubungan antara lelaki dan perempuan adalah menempatkan Tuhan dalam perhubungan itu.
- ii. Anda perlu sentiasa tanya diri anda, “di manakah Tuhan

- dalam perhubungan saya dengan orang lain?"
- iii. Amat mudah untuk mengeneipikan Tuhan bila anda begitu asyik dengan satu sama lain. Tuhan perlu berada di tengah-tengah perhubungan tersebut sekiranya anda hendak tahu kehendak-Nya yang berterusan untuk kehidupan anda.
 - iv. Anda perlu tanya diri sendiri samada perhubungan itu sedang menarik anda untuk menjauhi atau mendekati Tuhan.
 - v. Jika perhubungan itu adalah berpusat kepada Tuhan, anda akan mendapati anda selalu saling memberi galakan untuk bertumbuh dalam kehidupan rohani serta bertumbuh dalam kasih dan pekerjaan baik anda. (*Suruh mereka baca 1 Samuel 23:15-16 dan Ibrani 10:24-25.*)
 - vi. Kesihatan rohani anda harus bertindak sebagai satu petunjuk samada perhubungan itu berpusat kepada Tuhan atau tidak.
 - vii. Jangan sampai anda merasa tertekan untuk berpacaran hanya kerana orang lain mempunyai teman lelaki atau teman perempuan yang istimewa.
 - viii. Tunggu sehingga anda lebih bersedia dan lebih matang untuk menghadapi satu perhubungan yang serius. Dan tunggu petunjuk serta masa yang sesuai dari Tuhan.
 - ix. Pada waktunya nanti, Dia akan mempertemukan anda dengan orang yang tepat apabila anda mempercayakan kehidupan anda ke dalam tangan-Nya. Sementara itu, kembangkan persahabatan anda dengan orang dari jantina yang lain dan belajar menikmati persahabatan itu dahulu.



Doa

Galakkan mereka untuk berdoa kepada Tuhan supaya mereka akan sentiasa belajar dalam semua perhubungan mereka. Suruh mereka berdoa supaya Dia akan mengajar mereka bagaimana menjalinkan persahabatan yang baik dengan kawan-kawan dari jantina yang lain sebelum mereka berfikir tentang menjalinkan satu perhubungan yang serius.

Sesi 2 : Pasangan Yang Ideal?



Objektif-Objektif Sesi

1. Menentukan kualiti-kualiti yang mereka cari dalam bakal teman lelaki atau perempuan mereka.
2. Mengetahui apa kualiti-kualiti yang paling penting yang mereka harus pertimbangkan.
3. Menghayati apa yang mereka telah pelajari dengan melakukan beberapa kajian kes.



Pencetus Minat

Daya Tarikan Fatal

Tujuan aktiviti ini adalah untuk membolehkan para peserta membincangkan apa kualiti-kualiti yang dicari oleh pasangan lawan jenis yang ideal bagi mereka.

1. Bahagikan para peserta kepada kumpulan lelaki dan perempuan.
2. Dalam kumpulan masing-masing, suruh mereka bincangkan kualiti-kualiti yang terdapat dalam orang lawan jenis yang menarik perhatian mereka.
3. Suruh mereka mencapai kesepakatan dan buat satu senarai **“Top Ten”**.
4. Suruh setiap kumpulan buat satu tekaan dahulu tentang kualiti-kualiti yang telah ditentukan oleh kumpulan dari jantina yang lain sebelum kumpulan tersebut berkongsi senarai mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kita semua mempunyai pendapat tersendiri tentang seorang pasangan yang ideal, bukan?
2. Ingatlah bahawa dari perspektif Alkitab, memilih seorang lelaki atau perempuan sebagai teman istimewa anda adalah langkah pertama untuk membangun satu perhubungan di masa hadapan yang kekal.
3. Adakah semua ini sama dengan kualiti-kualiti yang anda cari dalam seorang suami atau isteri? *(Beri masa untuk mereka respon)*.
4. Dalam sesi hari ini, kita hendak bincang apa yang anda harus cari bila anda mula berpacaran. Oleh kerana pandangan Alkitab adalah ini harus akhirnya menuju kepada satu perhubungan yang tetap, kualiti-kualiti yang anda cari haruslah sama dengan apa

yang anda cari dalam pasangan hidup anda.

5. Ini tidak bererti apa yang anda senaraikan dalam aktiviti Pencetus Minat tadi bukanlah kualiti-kualiti yang betul apabila anda memilih pasangan hidup anda. Banyak daripada mereka adalah keinginan peribadi anda yang mungkin Tuhan menganggap sesuai untuk memberkati anda bila tiba waktunya.
6. Namun begitu, ada beberapa kualiti yang harus dianggap sebagai sangat penting jika anda mengasihi Tuhan dan ingin melayani-Nya serta menjalankan satu kehidupan yang menyenangkan-Nya.

B. Kriteria Menurut Alkitab

Orang yang anda pilih haruslah:

1. Mengenali Tuhan (1 Korintus 7:39; 2 Korintus 6:14-18)

- a. Suruh mereka baca 1 Korintus 7:39 dan 2 Korintus 6:14-18. Kemudian suruh mereka bincangkan mengapa pacar mereka haruslah seorang Kristian.
- b. Dalam 1 Korintus 7:39, Paulus menyatakan dengan amat jelas bahawa bila seseorang berkahwin lagi, pasangannya haruslah seorang Kristian, iaitu dia harus mengenal Tuhan.
- c. Walaupun tidak ada rujukan langsung yang lain dalam Perjanjian Baru tentang jangan berkahwin dengan seorang bukan Kristian, tetapi Alkitab agak jelas dalam seluruh Perjanjian Lama bahawa umat Allah tidak boleh kahwin campur dengan orang-orang dari bangsa lain yang menyembah tuhan-tuhan lain. Kenapa Allah melarang semua itu? (*Biar mereka respon*)
- d. (*Suruh mereka rujuk kepada Keluaran 34:15-16 dan Nehemia 13:23-27*).
- e. Pasangan yang tidak mengenali Tuhan akan membawa tuhan-tuhan lain ke dalam rumah dan akan menjauhkan kasih dan fokus anda kepada Tuhan. Ramai yang berakhir seperti Salomo yang mengikuti tuhan-tuhan pasangan mereka.
- f. Walaupun Paulus tidak berkata secara langsung tentang perkahwinan dalam 2 Korintus 6, arahnya pun agak jelas. Kristian tidak harus melibatkan diri mereka dalam perhubungan atau perkongsian hidup dengan orang bukan Kristian. Apakah sebab-sebab Paulus untuk ini? (*Biar mereka respon*)
- g. Paulus berkata pada dasarnya kini kita tidak mempunyai sesuatu yang sama dengan orang yang tidak percaya. Sebagai satu komuniti Kristian, kita adalah bait Allah yang hidup. Tuhan hidup di antara kita dan di dalam kita.
- h. Dengan cara yang sama, dalam suatu perhubungan yang suci dan kekal seperti perkahwinan, seseorang bukan hanya terikat secara fizikal tetapi juga secara rohani dengan pasangannya. Mempunyai pasangan yang tak percaya adalah seperti menggabungkan bait Allah

dengan kuil berhala.

- i. Bagaimanakah anda dapat menerapkan prinsip yang sama ini dalam perhubungan serius dengan seorang bukan Kristian? (*Biar mereka respon*)
- j. Ini bermaksud anda tidak harus cuba memulakan sebarang perhubungan serius dengan seorang bukan Kristian. Sebaik sahaja suatu perhubungan bermula, ia sukar untuk berhenti sebab ia sudah melibatkan perasaan dan emosi. Dan bila perasaan terlibat, fikiran dan kebijakan selalu diketepikan.
- k. Ia juga bermakna bahawa jika anda telah memulakan sesuatu perhubungan seperti itu, anda harus cuba memutuskannya sebelum ia berkembang lebih jauh.
- l. Ramai orang Kristian memberi berbagai alasan untuk keluar dengan bukan Kristian. (*Suruh mereka fikirkan beberapa alasan dan tanya samada alasan-alasan itu dapat dibenarkan*)
- m. Pada intinya, ini semua adalah mengenai patuh kepada Tuhan. Alkitab sangat jelas tentang ini. Sebab itulah Tuhan tidak mahu itu terjadi. Anda tidak dapat berkongsi apa yang paling penting dalam hidup anda, iaitu Tuhan, dengan pacar atau pasangan bukan Kristian anda. Kerana pada akhirnya pasangan atau pacar anda akan menyebabkan iman anda menjadi tawar dan anda menjadi semakin jauh daripada Tuhan.

2. Mengasihi Tuhan (Ulangan 6:4-9)

- a. Sekali lagi tiada rujukan langsung yang mengatakan pasangan anda mestilah seseorang yang mengasihi Tuhan.
- b. Namun begitu, ini sebenarnya adalah lanjutan daripada perbincangan Mengenali Tuhan yang telah kita bincangkan tadi.
- c. Jika anda adalah seorang Kristian yang komited dan serius tentang perhubungan anda dengan Tuhan, adakah pasangan anda juga harus memiliki komitmen yang serupa? Mengapakah itu penting atau tidak penting? (*Biar mereka respon*)
- d. Jika pasangan anda mempunyai perhubungan yang suam-suam kuku dengan Tuhan, besar kemungkinan dia akan melunturkan keghairahan anda terhadap Tuhan. Dia juga akan menjadi satu batu sandungan bagi perkembangan rohani anda.
- e. Jangan memasuki satu perhubungan dengan fikiran bahawa anda boleh membantu orang itu menjadi Kristian atau bertumbuh dalam imannya.
- f. Perhubungan anda haruslah seperti besi menajamkan besi (Amsal 27:17), yang mendorong satu sama lain untuk mengasihi dan melayani Tuhan.
- g. Jika anda berdua mengasihi Tuhan dan serius dalam

perhubungan anda dengan-Nya, anda boleh saling membantu dalam mendorong satu sama lain untuk bertumbuh dalam iman dan menjalankan satu kehidupan yang menyenangkan-Nya, samada sebagai individu dan pasangan. (*Suruh mereka rujuk kepada Ibrani 10:24-25.*)

- h. (*Suruh mereka baca Ulangan 6:4-9*). Tuhan memanggil kita untuk mengasihi-Nya sebagai satu keluarga. Ibu bapa harus mengajar anak-anak mereka supaya mengasihi-Nya. Anda tidak dapat mematuhi Tuhan jika anda mempunyai pasangan hidup yang tidak mempunyai hasrat atau matlamat hidup yang sama dengan anda.

3. Mempunyai Matlamat Hidup yang Sama

(Kisah Rasul-Rasul 18:24-26; Roma 16:3-5)

- a. Suruh mereka baca Kisah Rasul-Rasul 18:24-26 dan Roma 16:3-5. Kemudian suruh mereka bincangkan apa yang mereka boleh belajar dari contoh Akwila dan Priska sebagai satu pasangan suami isteri Kristian.
- b. Akwila dan Priska/Priskila adalah beberapa pasangan suami isteri yang disebutkan dalam Alkitab. Satu hal yang menarik tentang pasangan ini adalah pelayanan setia mereka kepada Tuhan.
- c. Mereka mempunyai satu pelayanan rumah yang sungguh efektif. Mereka membawa Apolos ke rumah mereka dan mengajar dia tentang kebenaran Injil. Jemaat mereka juga berkumpul dan berbakti di rumah mereka.
- d. Jika anda ingin kehidupan anda dengan pasangan anda sesuatu yang melayani Tuhan dengan setia dan efektif, anda berdua harus memiliki matlamat hidup yang sama.
- e. Anda berdua harus memiliki keinginan hati yang sama untuk perkara-perkara penting dalam hidup anda. (*Suruh mereka namakan apa yang mereka anggap sebagai beberapa keutamaan/prioriti penting dalam hidup mereka.*)
- f. Perkara-perkara seperti bagaimana anda hendak menggunakan kehidupan anda untuk Tuhan, pekerjaan anda, sikap anda terhadap wang dan harta, idea anda tentang keluarga dan anak haruslah menduduki tempat teratas dalam senarai matlamat hidup anda.
- g. Adalah sangat sukar untuk menjalankan kehidupan bersama jika pandangan hidup pasangan anda tentang kehidupan yang sempurna adalah memiliki rumah bungalow besar dan satu pekerjaan yang menjanjikan gaji cek gaji yang besar, sedangkan anda sedang serius mempertimbangkan untuk melayani Tuhan

secara serius.

- h. Oleh sebab itulah, adalah sangat penting untuk menjadi kawan dahulu. Ini akan memberi anda peluang untuk saling mengenali. Adalah lebih baik jika anda menunggu hingga lebih dewasa dahulu sebab anda akan menjadi lebih matang dan lebih mampu melihat sejauh mana anda berdua sepadan sebelum membuat sebarang komitmen yang serius.
- i. Semua kualiti yang lain adalah sekunder. Jika Tuhan memilih untuk memberkati anda dengan beberapa sifat kualiti yang anda kagumi (*rujuk kepada beberapa kualiti yang mereka sebutkan di awal sesi*), kemudian terimalah itu sebagai berkat tambahan daripada-Nya.

C. Jadi, Siapakah Pasangan Ideal Saya?

Bagaimana anda mengetahui siapakah orang yang betul untuk anda? Suruh mereka bincangkan ini dalam kumpulan mereka. Kemudian suruh mereka apa yang mereka telah bincangkan.

1. Melalui Doa

- a. Allah adalah Bapa Syurgawi kita yang memegang kehidupan kami dalam tangan-Nya. Hanya Tuhan yang dapat menunjukkan kepada anda secara pasti samada anda telah membuat pilihan yang betul.
- b. Anda perlu jujur secara total dengan Tuhan dan rela menyerahkan pilihan pasangan anda kepada-Nya.
- c. Anda mesti sedia untuk mematuhi apa juga yang akan Dia tunjukkan kepada anda. Hanya begitulah anda dapat mendengar dengan jelas daripada-Nya.
- d. Jika anda datang kepada-Nya hanya untuk Dia memberkati pilihan anda, anda tidak akan dapat mendengar apa-apa daripada-Nya. Anda hanya dapat dengar keinginan hati diri anda.
- e. Bersedia untuk berdoa dan menunggu-Nya. Dan bersedia untuk putus sebarang perhubungan yang anda telah mulakan jika Dia kata '*tidak*'.
- f. Tuhan boleh berbicara dalam banyak cara – melalui Firman-Nya; melalui suatu keyakinan tenang yang berkembang perlahan-lahan dalam hati anda semasa anda berdoa dan mencari-Nya; dan melalui penegasan orang lain dll.
- g. Percayailah kepada Tuhan. Dia hendak memberi yang terbaik untuk anda. Bersedia untuk menunggu pimpinan-Nya. Jangan terburu-buru untuk memulakan suatu perhubungan serius sehingga ada petunjuk dari-Nya.

2. Melalui Masa

- a. Janganlah terburu-buru untuk mendesak Tuhan atau perhubungan anda.
- b. Beri masa untuk perhubungan tersebut berkembang dan matang. Bermula sebagai kawan dahulu.
- c. Lihat samada melalui masa-masa bersamanya, anda berdua bertumbuh dalam Kristus dan bukannya menghalang satu sama lain dalam perjalanan rohani anda.
- d. Berbicara tentang matlamat, kegemaran dan ketidaksukaan anda. Lihat sejauh mana anda berdua padan.
- e. Lihat samada dengan peredaran masa anda berdua akan menjadi kian saling menghormati. Perhatikan bagaimana kalian berdua beraksi dan ukurlah sendiri samada inilah orang yang anda hormati dan ingin hidup bersama nanti. Dalam interaksi mereka dengan orang lain, watak sebenar mereka akan lebih nyata.
- f. Melalui kesemua ini, berdoalah supaya Tuhan akan menunjukkan kepada anda adakah anda sedang melakukan perkara yang betul.

3. Melalui Orang Lain

- a. Tanya pendapat kawan-kawan Kristian yang lebih dewasa dan matang yang anda percayai dan hormati. Adakah mereka berpendapat anda berdua saling melengkapi?
- b. Minta mereka untuk berdoa bersama anda atau mendoakan anda.
- c. Tuhan telah memanggil kita untuk memasuki satu komuniti di mana kita dapat saling memperhati dan memberi nasihat.
- d. Kadangkala, ia memerlukan orang lain untuk melihat dengan lebih objektif. Mereka dapat melihat perkara yang kita tidak dapat lihat sebab kita terlalu terbawa-bawa oleh perasaan kita. Tuhan boleh berbicara melalui mereka juga.

D. Bagaimana Dengan Masalah Bercinta Dengan Seorang Muslim?

1. Kita banyak mendengar tentang sejumlah wanita-wanita yang berkahwin dengan lelaki-lelaki Muslim (dan juga lelaki bukan Islam menikah dengan wanita Islam). Banyak kes-kes menyedihkan dan peristiwa-peristiwa tragis yang telah menyusul di dalam kehidupan pasangan seperti ini.
2. Pesan kami adalah supaya **para wanita (dan juga lelaki) Kristian yang sedang mempertimbangkan untuk berkahwin dengan seorang Muslim atau untuk memeluk agama Islam atau kedua-duanya sekali, agar memikirkan kembali hasrat tersebut.**

3. Alasan yang biasa diberi oleh mereka adalah: 'tidak ada apa-apa yang boleh dilakukan' oleh sesiapaupun kerana mereka sudah begitu dilanda dan dilamun kegilaan *jatuh cinta* sehingga mereka sudah menjadi buta kepada apa juga risiko dan tanda-tanda amaran bahaya yang akan menyusul kemudiannya!
4. Mereka telah terjerumus ke dalam perangkap ini yang telah mejeratkan mereka secara perlahan-lahan!
5. Apa harus kita buat dengan mereka yang terlibat dalam seorang Muslim?
 - a. Sekiranya ada teman, saudara atau anak kita yang terlibat dalam percintaan dengan seorang Muslim, apa yang pertama sekali kita harus lakukan ialah menjalin hubungan yang rapat dengan orang tersebut dan jadilah seorang pendengar yang baik.
 - b. Berdirilah di samping mereka dan terus mengasihi mereka. Apa juga tanda-tanda penentangan atau kritikan dari anda ada potensi membuat mereka lebih keras hati untuk meneruskan rancangan dan perhubungan mereka.
 - c. Dorong mereka untuk meluahkan perasaan mereka yang sebenar tentang keadaan itu, kerana biasanya terdapat beberapa keraguan di dalam hati mereka. Rasa malu dan bersalah juga selalunya menyelubungi mereka.
 - d. Jangan menahan diri dari bercakap mengenai kepercayaan agama anda (Kristian) termasuk kepada kekasih atau tunang teman anda yang beragama Islam.
 - e. Ramai wanita dan lelaki Kristian memeluk Islam dalam keadaan jahil tentang Islam. Bantulah mereka memahami Islam dan budaya Islam, agar mereka boleh menjadi orang yang bermaklumat dan berhemah sebanyak mungkin apabila mereka perlu membuat keputusan nanti.
 - f. Para pemimpin gereja, penatua dan ketua gereja hendaklah mendidik jemaat mereka tentang bagaimana memahami Islam dan implikasi-implikasi keseluruhan yang timbul akibat memeluk agama itu, termasuk bagaimana untuk menangani implikasi-implikasi tersebut.
 - g. Berilah galakan kepada pasangan itu untuk memanjangkan proses pertunangan mereka untuk masa yang lebih lama lagi daripada mengurangkan masa pertunangan itu atau berkahwin dengan secepat-cepatnya.
 - h. Lebih daripada segala-galanya; **“berdoalah tanpa berhenti”** dan dapatkan sahabat handai serta jemaat anda untuk sama-sama berdoa. Serahkanlah keadaan itu kepada doa syafaat. Doakan Kuasa Tuhan akan bekerja

di dalam keadaan seperti itu.

- i. Kita harus menyedari bahawa kita berada dalam satu pertembungan rohaniah yang cukup hebat, dan perlu dalam doa selalu menurut keperluan keadaan ini. Dalam Efesus 6:12 kita membaca “Kerana pergumulan kita bukanlah menentang darah dan daging tetapi menentang pemerintah-pemerintah, menentang pihak-pihak berkuasa, menentang kuasa-kuasa duniawi yang gelap ini dan menentang kuasa-kuasa roh jahat di dalam alam roh.”
6. Apa akibat mereka yang kahwin dan masuk Islam?
- a. Kita sudah banyak mendengar dan mengenali ramai wanita yang telah berkahwin dengan orang Muslim dan telah mendengar banyak kisah lain mengenainya.
 - b. Majoriti kes perkahwinan seperti ini tidak berpanjangan atau mereka tidaklah bahagia. Hati manusia begitu mudah mendusta; pada permulaan perhubungan kita boleh melihat perkara-perkara pada aspek luaran dan ianya nampak begitu menarik dan memukau, tetapi pada realitinya boleh merupakan satu jalan menuju kebinasaan dan duka lara.
 - c. Kita di Malaysia sudahpun mengalami kisah benar dan yang amat menyedihkan adalah akibatnya yang telah memporak-porandakan institusi kekeluargaan yang suci itu! Apabila seorang ibu dipisahkan secara PAKSA daripada anak kandungnya sendiri! Dan terpaksa mengharungi 'pemulihan' iman yang cukup runcing di 'pusat-pusat pemulihan akidah' tertentu. Ini bukanlah satu pengalaman keibuannya yang wajar tetapi satu pencabulan hak asasi manusianya!
 - d. Apabila wanita-wanita mengahwini lelaki-lelaki Muslim mereka mungkin berada dalam kegilaan lamunan cinta romantis sehingga mereka dihanyutkan daripada kenyataan, dan mereka kehilangan sementara keupayaan berfikir secara objektif mengenai apa akibat-akibat yang akan timbul terhadap mereka melalui perbezaan-perbezaan budaya dan agama di dalam rumahtangga itu nanti, dan juga apa kesan berat akan timbul dari masalah-masalah ini yang akan menimpa anak-anak.
 - e. Seorang wanita yang berkahwin dengan seorang Muslim tidak lagi akan dapat berkelakuan atau kebebasan dengan cara yang sama seperti wanita-wanita lain, kerana seluruh hidupnya akan tertakluk kepada prinsip “maruah atau malu”.
 - f. Dia tidak mempunyai kebebasan di kalangan sahabat handainya untuk membincangkan secara terbuka segala kesusahan dan masalahnya, kerana itu akan membawa malu kepada keluarga.

- g. Dia juga tidak dapat melakukan perbualan atau menjalin apa pun jenis persahabatan dengan mana-mana lelaki, kerana ini akan dipandang sebagai “mempunyai hubungan sulit”.
- h. Dia akan terpaksa menerima bahawa dalam mengurus keluarganya, anak-anak lelakinya adalah lebih penting daripada anak-anak perempuannya dan mempunyai status yang lebih tinggi dalam masyarakat Islam.
- i. Dia akan terpaksa menyedari bahawa suaminya adalah yang mempunyai otoriti mutlak di dalam keluarga dan dia akan menghadapi sekatan-sekatan keras terhadap apa juga percubaannya untuk menyatakan pendapat atau pendirian.
- j. Langkah untuk memeluk agama Islam akan mempunyai kesan dan akibat yang serius terhadap keluarga dan sahabat handai. Keluarga mungkin akan menganggap bahawa mereka sudah kehilangan seorang ahli keluarga/ anak, dan hubungan juga putus.
- k. Sebab itulah, adalah jauh lebih memanfaatkan bagi semua pihak jikalau kita dimaklumkan segala fakta-fakta serta akibat-akibat sekiranya kita mulai bercinta dan menikah dengan seorang beragama Islam.

7. Ingatlah!!!

- a. Islam tidak mengamalkan kebebasan beragama yang sebenar atau sejati! Islam adalah '**agama jalan sehalu**' atau '*one way street religion*'. Hanya ada pintu masuk, dan tidak ada pintu keluar. Islam melarang keras orang Islam yang mahu meninggalkan agama itu. Menurut sunnah Islam sendiri, mereka yang keluar dari Islam harus dijatuhkan hukuman mati!
- b. Oleh itu, jika seorang wanita bukan-Islam telah diceraikan oleh suami Islamnya (dan wanita itu sudah pun masuk Islam untuk berkahwin dengannya), dan dia mahu kembali kepada agamanya yang asal (bukan Islam), dia terpaksa mengharungi banyak sekali rintangan-rintangan dan kesusahan yang cukup pahit - seperti kehilangan anak-anaknya, kehilangan haknya atas apa-apa harta benda atau warisan pusaka daripada bekas suaminya dan kerumitan-kerumitan yang lain!
- c. Hal-hal seperti inilah HARUS kita ketahui sebelum kita memulakan satu perhubungan serius dengan seorang Muslim.

Sesi 3 : Awas Godaan Fizikal!



Objektif-Objektif Sesi

1. Menyedari bahawa dengan melibatkan diri secara fizikal dalam satu perhubungan dengan lawan jenis akan secara progresif menuju kepada perbuatan seks.
2. Memahami bahawa mereka perlu menetapkan batas mereka sebelum mereka terjerumus kepada situasi yang berkompromi.
3. Mengenal bagaimana dan di mana mereka harus membatasi diri dalam perhubungan fizikal mereka.
4. Berfikir secara praktikal bagaimana mereka boleh mengatasi godaan seks.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah anda belajar tentang diri anda daripada Aktiviti Bersama tadi? (*Biar mereka respon*)
2. Adalah baik untuk kita memahami diri kita dan mengetahui batas-batas tentang apa yang kita akan atau tak akan lakukan dalam satu situasi tertentu.
3. Ada di antara kita yang lebih berani daripada yang lain, dan berani mengambil risiko dengan melampaui batas-batas yang biasanya dibenarkan untuk membuktikan pandangan kita.
4. Sementara yang lain lebih selesa melakukan perkara yang tidak akan mendatangkan terlalu banyak reaksi daripada orang lain.
5. Namun begitu, dalam apa saja keadaan, sentiasa terdapat batas-batas yang akan menyebabkan perbuatan kita itu sudah melampaui batas tanpa mengambil kira apa yang kita fikir atau kehendaki.
6. Contohnya, mempermainkan guru atau pemimpin kita dengan gurauan praktikal akan dianggap OK jika guru tersebut lebih *sporting* dan boleh terima tanpa tersinggung. Tetapi haruslah ada batas sejauh mana gurauan itu boleh dilakukan, bukankah begitu? (*Minta mereka menentukan batas apa yang harus ada dalam kes seperti ini*).
7. Dalam sesetengah keadaan, akibat yang buruk atau bahaya mungkin tidak berlaku jika batas tidak ditetapkan. Tetapi ada banyak situasi di mana tanpa batasan akan mengakibatkan kesan dan akibat yang buruk.

8. Salah satu keadaan demikian adalah berkenaan dengan sentuhan secara fizikal dalam perhubungan lelaki dan perempuan.
9. Anda telah diberitahu bahawa seks di luar nikah adalah sesuatu yang pasti tidak betul di mata Tuhan, samada ia terjadi sebelum perkahwinan atau di luar perkahwinan.
10. Alkitab amat jelas bahawa perhubungan seks harus dianggap istimewa untuk orang yang anda kahwini.
11. Tetapi bagaimana pula dengan masa di perantaraan, iaitu masa sebelum anda bersedia untuk berkahwin (zaman berpacaran) dan bila anda telah memulakan suatu perhubungan yang serius? Bagaimana anda menunjukkan kasih dan sayang secara fizikal untuk teman lelaki atau teman perempuan anda tanpa melampaui batas? Sejauh manakah anda boleh lakukan itu tanpa berakhir dengan perbuatan yang terlarang?

B. Potensi Masalah

- i. Bahagikan mereka ke dalam beberapa kumpulan kecil mengikut jantina. Empat hingga lima orang setiap kumpulan.
 - ii. Suruh mereka bincangkan soalan-soalan berikut:
 - Apakah godaan-godaan yang anda hadapi bila anda keluar dengan teman perempuan atau teman lelaki anda?
 - Apakah yang anda boleh buat tentang itu?
 - iii. Beritahu mereka bahawa mereka boleh berkongsi secara umum sahaja sekiranya mereka tidak pernah mengalami keadaan seperti itu.
 - iv. Biar mereka kongsi hasil perbincangan mereka.
1. Tuhan telah mencipta kita sebagai makhluk yang berperasaan dan berghairah seperti-Nya. Dalam Perjanjian Lama, anda akan dapati banyak rujukan kepada perasaan yang amat kuat yang TUHAN miliki terhadap umat-Nya dan bangsa Israel.
 2. Banyak kali Allah menggambarkan diri-Nya sebagai kekasih yang ghairah (Hosea 2:14-15), seorang pengantin lelaki yang girang (Yesaya 62:3-5) dan seorang suami yang mengasihi (Yesaya 54:5-8).
 3. Kita adalah seperti Tuhan dari segi kita mempunyai perasaan kuat yang boleh dibangkitkan terutamanya di hadapan seseorang yang kita minati atau yang kita fikir kita cintai.
 4. Semua ini adalah perasaan yang normal. Dalam perkahwinan, kita ada kebebasan untuk mencurahkan sepenuhnya perasaan kuat dan kasih sayang kita terhadap pasangan kita.

5. Namun begitu, mereka menjadi masalah untuk kita bila perhubungan kita belum lagi disatukan dalam ikatan perkahwinan. Godaan-godaan untuk terlibat secara fizikal adalah amat kuat kerana intensiti perasaan ghairah yang kuat dalam diri kita.
6. Sebab itulah sangat penting bagi anda menentapkan batas atau sempadan sebelum anda membuatkan diri anda terdedah kepada keadaan yang sungguh menggoda.
7. Adalah bodoh dan terlalu lewat untuk berfikir tentang itu pada masa anda berada dalam godaan. Pada masa itu, perasaan anda telahpun menguasai fikiran warak dan kebijakan anda. Anda mungkin dapati diri anda melakukan perkara yang anda mungkin tidak lakukan dalam waktu anda lebih waras.
8. Jadi, batas yang bagaimanakah yang harus anda tetapkan?

C. Ketahui Batas-Batasnya

1. Di Manakah Seks Bermula?

- a. Di manakah seks bermula? (*Biar mereka memberi respon*).
- b. Seks tidak bermula dengan persetubuhan. Ia bermula dengan orang bermimpi dan berfikir, renungan dan sentuhan. Setiap perbuatan fizikal akan berkembang ke perbuatan lain dan intensitinya meningkat sehingga ia berakhir dengan persetubuhan.
- c. Segala perbuatan bercium, menyentuh, membelai atau menyayang ini akan berkembang di mana tubuh orang yang terlibat disediakan sehinggalah persetubuhan berlaku.
- d. Bila Alkitab melarang seks sebelum nikah, sudah tentu ia merujuk kepada perbuatan persetubuhan. Tetapi adakah itu bermakna semua perbuatan fizikal sebelum persetubuhan berlaku itu dibenarkan? (*Biar mereka memberi respon*)

2. Bagaimanakah Anda Menentukan Batas?

a. Pastikan Kasih Berada di Dalamnya

- i. Alkitab beritahu kita satu perkara yang harus di tengah-tengah segala perhubungan adalah kasih. (Ingatkan mereka apa yang telah mereka lakukan di Sesi 1).
- ii. Apa lagi dalam satu perhubungan di mana kita komited antara satu dengan lain sebagai teman lelaki dan perempuan.
- iii. Kasih yang anda harus ada adalah kasih yang sanggup berkorban untuk orang lain. Ia harus mengutamakan kepentingan orang lain di atas kepentingan diri sendiri.
- iv. Dalam perhubungan anda, fikirkan cara-cara untuk meng-

ekspresikan kasih dan sayang anda tanpa melibatkan aspek fizikal. Kasih harus membina dan menggalakkan satu sama lain untuk bertumbuh sebagai seorang insan.

- v. Kerap kali anda terlibat secara fizikal disebabkan kehairahan yang anda terima darinya. Ia tidak melakukan apa-apa untuk membangun rakan anda melainkan membangkitkan perasaan dan nafsu untuk sentuhan fizikal.
- vi. Dengan bertambahnya sentuhan, perbualan anda berkurangan. Dengan berkurangnya perbualan, anda terdorong untuk menyentuh lebih lagi. Sebab itu, setiap kali anda bersama, anda tidak sabar-sabar untuk hendak bersendirian supaya boleh menyentuh dan mengeksplorasi. Jenis kasih apakah itu ? *(Biar mereka memberi respon)*
- vii. Tidak ada perkongsian hidup tetapi lebih tertumpu kepada keinginan kenikmatan fizikal semata-mata. Jenis perhubungan apakah ia akan menjadi? *(Biar mereka memberi respon)* Adakah ini menyenangkan dan memuliakan Tuhan? *(Biar mereka memberi respon)*
- viii. Bahayanya adalah ia akan bertukar menjadi ketagihan. Mungkin nanti akan sampai satu tahap di mana anda akan tergoda melakukan lebih daripada apa yang anda dapat kawal. Inilah bagaimana ramai belia berakhir dengan melakukan seks. Sudah sampai di satu tahap di mana mereka tidak lagi dapat kawal perasaan dan nafsu mereka.
- ix. Jika anda saling mengasihi, anda harus berusaha untuk mengelakkan supaya anda dan pasangan anda tidak berada dalam satu keadaan di mana anda berdua akan melakukan kesilapan besar dalam hidup anda. Sekali saja ia dilakukan, ia tidak boleh diputar balikkan.
- x. Tuhan tidak dapat mengembalikan kedaraaan dan keturunan anda walaupun Dia boleh memulihkan kemurnian bila anda bertaubat.
- xi. Jadi, anda tetap boleh menikmati dan mengekspresikan kasih dan sayang anda tetapi dengan cara-cara yang dapat membangun pacar anda sebagai satu insan. Janganlah gunakan perhubungan anda untuk merebut kenikmatan untuk diri sendiri yang hanya untuk beberapa saat saja.

b. Pastikan Kemurnian Berada di Dalamnya

Suruh mereka baca 1 Korintus 6:12-20.

- i. Di sini Paulus memberi dua prinsip untuk kita pelajari. Yang pertama adalah walaupun segala sesuatu halal, bukan semuanya berguna.
- ii. Oleh itu jangan kita menganggap hanya kerana sesetengah aspek fizikal perhubungan mungkin tidak berbahaya, ia tidak bermaksud bahawa mereka boleh dilakukan. Ingatlah bahawa mereka akan membawa anda untuk menginginkan yang lebih lagi.
- iii. Paulus juga berkata dia tidak akan membenarkan dirinya dikawal oleh apapun, walaupun itu dibenarkan. Dia sendiri memiliki kawalan muktamad ke atas apa yang dia hendak lakukan. Oleh itu anda harus jangan membenarkan nafsu untuk kontak fizikal dalam perhubungan anda mengawal anda.
- iv. Yang kedua adalah tubuh anda adalah bait Roh Kudus. Tuhan sendiri yang tinggal di dalam anda.
- v. Sebab itulah adalah penting supaya anda tidak mencemar atau menajiskan tubuh anda demi Allah. Itulah sebabnya mengapa Paulus memberi amaran kepada jemaat di Korintus supaya tidak melakukan dosa seks sebab dosa-dosa seks akan menajiskan tubuh kita, iaitu bait Allah sendiri.
- vi. Arahan Paulus adalah supaya kita memelihara tubuh kita agar tetap murni kerana Tuhan tinggal di dalam kita. Tubuh kita bukan milik kita sendiri tetapi milik Tuhan.
- vii. Oleh sebab itulah apa sahaja yang anda ingin lakukan secara fizikal ke atas tubuh anda atau tubuh pasangan anda, ingatlah bahawa kedua-dua tubuh tersebut adalah bait Allah. Anda perlu memelihara mereka supaya tetap murni di hadapan-Nya.
- viii. Tuhan hendak anda menikmati seks kerana itu adalah sebahagian daripada proses kreatif-Nya dalam kita. Tujuan seksualiti kita adalah supaya kita boleh mengenal kasih yang intim, yang lebih daripada sekadar kasih fizikal dan seks.
- ix. Walau bagaimanapun, kita hanya dapat menikmati seks dan segala perbuatan yang terlibat secara bebas dan penuh dalam satu perhubungan perkahwinan yang ditahbiskan untuk kita oleh Tuhan. Semua kegiatan seks di luar daripada itu hanya akan memperhambakan anda dan menjadikan tubuh anda tercemar di hadapan Allah.

3. Di Manakah Anda Menentukan Batas?

Di sini, anda perlu memutuskan di mana anda hendak tentukan batas untuk para peserta. Orang Kristian yang lain akan menentukan batas yang berbeza. Apa yang nampaknya dibenarkan bagi

seseorang mungkin dianggap salah oleh yang lain. Garis panduan diberikan tetapi anda perlu ubah suai dan bentangkan apa yang anda anggap dibenarkan bagi anda dan jemaat anda. Malah ada setengah Kristian yang berhenti pada atau sebelum memegang tangan!

- a. Di mana jua anda memutuskan untuk menentukan batas, ia mesti dilakukan sebelum anda memasuki suatu keadaan yang menggodakan. Jika tidak, anda tidak akan mampu membuat keputusan yang bijak dan munasabah pada saat nafsu atau perasaan kuat menguasai anda.
- b. Anda mesti membuat keputusan atas batas diri anda sekarang sebelum anda masuk dalam satu perhubungan dengan seseorang dari lawan jenis.
- c. Jangan sekali-kali anda membenarkan pasangan anda membuat keputusan bagi diri anda. Ia adalah tubuh anda dan kehidupan anda yang anda kena bertanggungjawab di hadapan Tuhan.
- d. Di manakah anda akan bermula atau di manakah anda akan berhenti?
- e. Kita ambil contoh perbuatan fizikal yang pertama iaitu berpegangan tangan. Adakah memegang tangan itu OK? *(Biar mereka memberi respon)*
- f. Adakah kebanyakan pasangan hanya berpegang tangan? Apakah perkembangan logik yang seterusnya? *(Biar mereka memberi respon)*
- g. Sudah tentu garis yang paling selamat adalah tidak memegang tangan langsung. Anda perlu tanya diri anda soalan-soalan berikut untuk membantu anda dalam menentukan batas bagi diri anda:
 - Adakah saya memelihara kemurnian perhubungan saya dengan perbuatan tersebut? Adakah ia membawa kepada ketidakmurnian atau keghairahan dalam fikiran saya tentang pasangan saya bila saya melakukannya?
 - Adakah itu hanya untuk kenikmatan diri saya? Adakah ia membawa fikiran saya jauh daripada mengasihi pasangan saya dan mencari kebaikan dia?
 - Adakah ia menyenangkan hati dan memuliakan Tuhan pada jangka panjang? Adakah ia akan membawa saya kepada perbuatan fizikal yang lain?
- h. Hanya ada satu garis penetap yang radikal tetapi amat berkesan: **“jangan sentuh dan pakai baju!”** Jika anda fikir anda boleh letakkan garis itu di tempat lain, ingatlah

bahawa suatu hal kecil akan membawa kepada sesuatu yang lebih besar.

- i. Yesus berkata jika anda hanya pandang seseorang dengan mata yang penuh keghairahan, anda telah pun berdosa di hadapan Allah.
- j. Oleh itu anda perlu berterus-terang dan jujur di hadapan Tuhan. Jika anda telah mengalami fikiran ghairah dengan cuma memandang pasangan anda, anda harus berusaha untuk tidak terlalu mendekatinya secara fizikal langsung. Satu sentuhan sahaja mungkin akan menjadikan fikiran anda gila!
- k. Alkitab berkata, “Jauhilah nafsu orang muda.” (2 Timotius 2:22) Jangan main-main dengan mereka. Adalah sentiasa lebih baik jika anda lebih berhati-hati daripada memulakannya supaya anda tidak terbakar!
- l. *Suruh mereka baca 2 Timotius 1:7 dan 1 Korintus 10:13.*
- m. Tuhan mampu memberi anda penguasaan diri untuk menahan godaan jika anda serius hendak mematuhi-Nya dan menjaga diri anda dan pasangan anda supaya tetap murni di hadapan Allah.
- n. Putuskan terlebih dahulu di mana anda akan tentukan batas dan kemudian berdoa kepada-Nya untuk membantu anda jika anda bergumul ketika saat-saat seperti itu datang.



Doa

Galakkan mereka untuk menyerahkan perhubungan dan tubuh mereka kepada Tuhan, supaya Dia akan menjaga mereka agar tetap kudus dan menyenangkan di mata Tuhan. Beritahu mereka untuk berdoa agar Tuhan memberikan mereka hikmat dan bijaksana untuk mengelakkan diri daripada jatuh ke keadaan yang berkompromi, supaya mereka dapat bangkit menguasai godaan.

Sesi 4 : Dari Hati Ke Hati



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengingatnkan bahawa konsep kasih dalam Alkitab haruslah jadi asas untuk semua perhubungan mereka.
2. Membincangkan berbagai soalan dan masalah yang mereka ada berkenaan dengan perhubungan lelaki dan perempuan.
3. Berjanji untuk menjadikan Tuhan di pusat segala bentuk perhubungan mereka.



Pencetus Minat

Tujuan aktiviti ini adalah untuk memberi peluang kepada para peserta peluang untuk menyatakan apa yang mereka mengerti tentang kasih/cinta.

1. Bahagikan para peserta ke dalam kumpulan empat atau lima orang.
2. Biar mereka berbincang “Kasih/cinta menurut pandangan saya adalah.....”



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Aktiviti yang baru anda lakukan tentang “Kasih Adalah...” bertujuan untuk memperingatkan diri anda apa sebenarnya kasih dari perspektif Tuhan.
2. Itu seharusnya sentiasa merupakan asas untuk semua perhubungan anda, terutama sekali dalam perhubungan antara lelaki dan perempuan.
3. Cinta kasih romantik (dalam Bahasa Yunani disebut *Eros*), iaitu kasih yang hanya berdasarkan kepada perasaan, tidak akan pernah cukup kuat untuk mengekalkan sebarang perhubungan. Ia juga akan membawa anda kepada penglibatan secara fizikal yang tidak sihat dalam perhubungan anda.
4. Lihat sahaja apa yang berlaku dalam kehidupan kisah cinta artis-artis Hollywood dan selebriti muzik. Mengadakan hubungan seks dengan mana-mana pasangan adalah aspek gaya hidup mereka yang normal. Tiada kesetiaan dan komitmen jangka panjang dalam perhubungan mereka. Mereka tukar pasangan tanpa henti-

henti bila mana perasaan mereka sudah mula dingin terhadap satu sama lain.

5. Diharapkan semasa anda berbincang tentang berbagai soalan dan masalah yang berkaitan dengan perhubungan lelaki-perempuan, ingatlah bahawa anda harus meletakkan standard kasih Tuhan di pusat perhubungan tersebut.
6. Tetapi yang paling penting adalah Allah sebagai sumber kasih, mesti berada di pusat segala kehidupan dan perhubungan anda dengan orang yang dari jantina yang lain.

B. Dari Hati ke Hati

1. Bahagian ini lebih kepada sesi soal jawab terbuka.
2. Suruh mereka jawab soalan-soalan satu sama lain dengan bebas. Terangkan kepada mereka supaya jangan ambil hati akan jawapan yang diberi terutama sekali jika orang itu berkata secara khususnya bahawa ianya datang daripada pengalaman peribadi mereka. Ini adalah untuk menggalakkan perbincangan terutama daripada mereka yang takut orang lain mungkin menghakimi mereka berdasarkan apa yang dikatakan oleh mereka.
3. Bahagikan mereka ke dalam kumpulan yang lebih kecil jika terlalu ramai orang.
4. Minta mereka supaya mengekspresikan pandangan mereka secara bebas.
5. Berhati-hati supaya anda jangan sampai tampil sebagai menghakimi orang lain, tetapi pada masa yang sama anda perlu kemukakan perspektif Alkitab sejelas mungkin. Berterus-terang dengan mereka apabila tiada jawapan untuk pertanyaan mereka, dan bantu mereka untuk mengambil prinsip-prinsip umum dari Alkitab sebagai panduan mereka.



Doa

Berdoalah untuk mereka supaya Tuhan akan memegang dan mendengar janji kemurnian yang telah mereka buat dengan-Nya. Berdoa juga supaya Dia akan menyediakan pasangan hidup yang betul kepada yang masih bersendirian, dan mereka akan belajar untuk mematuhi-Nya dan menjadikan-Nya sebagai pusat dalam kehidupan mereka.

Sesi 5 : Masih Popular?



Objektif-Objektif Sesi

1. Menjalankan soal-selidik pandangan kawan-kawan mereka tentang perkahwinan.
2. Mempelajari mengapa Tuhan menetapkan perkahwinan sejurus selepas penciptaan.
3. Memikir secara mendalam tentang respon mereka kepada pelbagai alternatif selain daripada berkahwin.



Aktiviti Bersama Menyelidiki Pasaran Perkahwinan

1. Tujuan aktiviti ini adalah untuk menyiasat pandangan kawan-kawan para peserta atas subjek perkahwinan.
2. Bahagikan para peserta kepada kumpulan kecil dengan tiga atau empat orang.
3. Suruh mereka kongsi satu sama lain apa yang mereka dapati daripada soal-selidik kawan-kawan mereka.
4. Minta seorang dari setiap kumpulan untuk menyimpulkan pandangan umum yang mereka dapati dari kawan-kawan mereka.
5. Suruh mereka bincangkan samada mereka setuju atau tidak setuju dengan pandangan kawan-kawan mereka.
6. Suruh mereka buat beberapa kesimpulan am tentang idea-idea pemuda-pemudi zaman sekarang tentang perkahwinan.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Dalam masyarakat hari ini, ramai orang muda berpendapat bahawa perkahwinan tidak lagi mengikut model tradisi penyatuan seorang lelaki dengan seorang perempuan untuk dijaga dan disimpan selama-lamanya.
2. Pendapat bahawa cinta adalah daya pemeliharaan sebuah perkahwinan itu belum berubah. Apa yang telah berubah ialah pandangan bahawa sebaik saja tiada lagi cinta, maka tidak ada alasan lagi untuk meneruskan satu perkahwinan.
3. Perceraian yang satu ketika dahulu jarang berlaku dalam masyarakat Asia, telah menjadi satu pilihan bagi ramai pasangan suami-isteri yang menghadapi masalah dalam perkahwinan mereka.

4. Kadar perceraian kian meningkat dalam masyarakat Asia.
5. Amalan tinggal bersama seperti yang diagung-agungkan oleh sinetron dan filem juga semakin meningkat di Asia, terutamanya di kalangan pelajar-pelajar kolej dan belia yang bekerja.
6. Ketika nilai-nilai tradisi beransur-ansur hilang daripada masyarakat kita, kita perlu kembali kepada ajaran Alkitab tentang rancangan asal Tuhan bagi perkahwinan dan mengenali penyelewengan-penyelewengan daripada tujuan asal-Nya.
7. Inilah matlamat 4 sesi seterusnya yang akan kita bincang bersama.

B. Pelan Terperinci Allah

- i. Beri mereka masa untuk melakukan Lembar Kerja **“Wawancara Eksklusif Dengan Tuhan Tentang Perkahwinan”**
- ii. Apabila mereka telah selesai menulis soalan-soalan yang mereka ingin tanyakan kepada Tuhan, suruh mereka saling tukar lembar kerja/buku mereka dengan kumpulan yang lain.
- iii. Bila kumpulan-kumpulan tersebut sudah siap, suruh mereka kembalikan lembar kerja/buku kepada kumpulan masing-masing.
- iv. Kemudian minta seorang daripada setiap kumpulan untuk berkongsi hasil wawancara mereka.

1. Perkahwinan Adalah Idea Tuhan

(Kejadian 2:18-23; Matius 19:4-5)

- a. Ramai orang memandang perkahwinan sebagai satu tradisi atau upacara yang telah ditetapkan oleh masyarakat. Oleh itu, mereka berpendapat bahawa apabila masyarakat menjadi semakin maju dan moden, tradisi dan upacara seperti perkahwinan juga harus berubah mengikut zaman.
- b. Ada orang (terutamanya di Barat) melihat perkahwinan sebagai satu kontrak di mana mereka melihatnya sebagai perhubungan yang diasaskan atas sekeping kertas, macam satu kontrak antara dua orang. Ada juga pasangan suami-isteri yang benar-benar menggubal sejenis ‘kontrak’ untuk melindungi kepentingan diri mereka sekiranya satu hari nanti pasangan mereka memutuskan untuk keluar dari ikatan perkahwinan tersebut.
- c. Bolehkah upacara atau kontrak memelihara sebuah perkahwinan? (*Biar mereka jawab*)
- d. Alkitab memberitahukan kita yang sebaliknya. Perkahwinan dari perspektif Alkitab bukanlah satu tradisi gubahan manusia atau kontrak.

- e. Perkahwinan adalah idea Allah sejak daripada permulaan penciptaan lagi.
- f. Yesus sendiri berkata bahawa Allah telah memikirkan tentang institusi perkahwinan sejak dari permulaan lagi apabila Dia mencipta manusia - lelaki dan perempuan (Matius 19:4-5).
- g. Dia mencipta lelaki dan perempuan untuk satu perhubungan perkahwinan kerana Dia berkata bahawa tidak baik kalau manusia itu seorang diri saja (Kejadian 2:18). Tuhan inginkan seorang penolong yang 'sepadan' dengannya. Maksud sebenar ayat itu adalah 'seorang penolong yang melengkapi dirinya.'
- h. Allah mahu seseorang yang akan berdiri setaraf dengan lelaki dan memberikannya pertemanan yang dia perlukan.
- i. Maka Allah mencipta perempuan sebagai seorang yang sepadan dengan lelaki sebab tidak ada ciptaan lain yang boleh memenuhi peranan itu (Kejadian 2:19-23).
- j. Oleh itulah, sebarang perhubungan lelaki-perempuan seharusnya berakhir dengan perkahwinan sebab itulah tujuan asal Allah bagi penciptaan-Nya. Tetapi oleh kerana kita hidup dalam dunia yang berdosa dan tak sempurna, bukan semua orang lelaki atau perempuan akan berakhir dalam perkahwinan. Kita akan bincangkan ini dalam Sesi 7 nanti.
- k. Namun begitu, gaya dan idea baru seperti hidup bersama atau perkahwinan sejenis adalah terkeluar daripada tujuan asal Allah bagi lelaki dan perempuan.

2. Perkahwinan Adalah Suatu Penyatuan

(Kejadian 2:24; Matius 19:5-6).

- a. Alkitab memberitahu kita bahawa bila seorang lelaki dan seorang perempuan berkahwin, mereka berdua akan menjadi satu daging/tubuh (Kejadian 2:24; Matius 19:5-6).
- b. Apakah maknanya 'satu tubuh', atau dalam Alkitab Indonesia 'satu daging?' (*Biar mereka jawab*)
- c. Dalam mata Tuhan, perkahwinan bukan hanya mengikat suami-isteri secara fizikal melalui perhubungan seks.
- d. 'Satu daging' juga merujuk kepada penyatuan bersama fikiran, hati dan roh. Dalam mata Tuhan sekarang, mereka dilihat sebagai satu dan bukannya dua orang yang berasingan.
- e. Itulah sebabnya Tuhan mengambil pendirian yang amat keras atas perceraian sebab ia memisahkan apa yang dipandang sebagai satu jiwa dan satu kehidupan di mata Tuhan. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Sesi 8.

- f. Itulah juga sebabnya mengapa Tuhan mengecam penzinaan dan percabulan (1 Korintus 6:16). Perhubungan seks itu lebih daripada hanya satu perbuatan fizikal – ada penyatuan bersama tubuh dan roh dalam perbuatan itu.
- g. Bagaimanapun, supaya mereka boleh menjadi satu daging dengan satu sama lain, Alkitab memerintah lelaki dan perempuan harus meninggalkan ibubapa mereka dahulu.
- h. Ini amat penting kerana lelaki atau perempuan tersebut perlu ‘putuskan’ diri mereka daripada ikatan keluarganya sebelum dia boleh memasuki satu penyatuan baru dengan pasangannya.
- i. Ini sangat kritikal terutamanya bagi keluarga Asia di mana ikatan anak kepada ibu bapa amat kuat. Ramai lelaki dan perempuan kerap kali tidak meninggalkan keluarga mereka samada secara fizikal atau emosi dan ini mengakibatkan banyak ketegangan dan tekanan yang besar bagi keluarga baru mereka.
- j. Pada masa yang sama, orang tua dari Asia juga mendapati amat sukar untuk memutuskan ‘tali apron’ dan membenarkan anak-anak mereka mendirikan rumahtangga sendiri tanpa masuk campur.
- k. Jadi, perintah Alkitab adalah untuk meninggalkan dahulu dan kemudian barulah bersatu. Hanya selepas itu barulah suami-isteri tersebut menjadi satu daging di hadapan Tuhan.
- l. Penyatuan lelaki dengan isterinya menjadikan mereka satu kesatuan (entiti) yang berasingan daripada keluarga orang tua mereka.

3. Perkahwinan Adalah Untuk Dipelihara (Matius 19:6-8)

- a. Yesus berkata dengan jelas sekali bahawa sejak penciptaan lagi keinginan Allah adalah untuk penyatuan perkahwinan tetap utuh (Matius 19:8).
- b. Manusia tidak harus menceraikan apa yang Tuhan telah satukan (Matius 19:6).
- c. Tujuan asal Allah adalah sebuah perkahwinan harus dipelihara untuk selama-lamanya. Pemahaman Alkitab adalah bahawa perkahwinan itulah yang memelihara supaya kasih akan berterusan, dan bukannya cinta yang memastikan perkahwinan itu tetap berjalan!
- d. Dalam satu penyatuan yang tidak boleh diceraikan, seseorang terpaksa bekerja keras untuk membina perhubungan itu dan untuk menjaga supaya cinta ada di tengah-tengah perhubungan tersebut.

- e. Hanya ada satu pengecualian bagi perceraian, iaitu zina. Yesus berkata bahawa Allah membenarkan perceraian bukan kerana ia sebahagian daripada rancangan-Nya tetapi kerana kekerasan hati kita terhadap satu sama lain. Kita akan membincangkan ini di Sesi 8.
- f. Perkahwinan adalah untuk dipelihara selama-lamanya sebab dalam perkahwinan kedua-duanya telah menjadi satu daging di mata Tuhan. Hanya kematian sahaja yang boleh menyebabkan penyatuan putus. Baharulah pasangan yang masih hidup itu kemudiannya bebas untuk kahwin lagi (1 Korintus 7:39).

4. Perkahwinan Membina Satu Rumahtangga (Kejadian 1:27-28)

- a. *Suruh mereka baca Kejadian 1:27-28. Kemudian tanya mereka apa yang mereka mengerti tentang ayat-ayat tersebut.*
- b. Hasil penyatuan seorang lelaki dengan seorang perempuan yang diinginkan adalah 'supaya mereka beranak-cucu dan bertambah banyak'. Ini bererti mereka diminta untuk membina sebuah keluarga.
- c. Sebuah rumahtangga diwujudkan dalam konteks perkahwinan untuk membesarkan anak-anak. Dalam sebuah rumahtangga Kristian, ia bererti untuk membesarkan anak-anak yang beriman (*Suruh mereka rujuk kepada Maleakhi 2:15*).
- d. Ini amatlah penting kerana pada hari ini banyak keluarga yang runtuh dan bercerai-berai. Ramai kanak-kanak yang hidup dengan orang tua tunggal; atau hidup dalam keluarga di mana perhubungan antara ibu bapa yang buruk; atau di mana ibu bapa mereka mempunyai banyak masalah sosial seperti menghisap dadah; pemabuk, penjudi; dsbnya.
- e. Rancangan Tuhan adalah supaya anak-anak dibesarkan dalam satu keluarga dengan sepasang orang tua yang dapat membekalkan kasih dan asuhan yang mereka perlu, terutama sekali dalam tahun-tahun membesar mereka.
- f. Keluarga dalam konteks perkahwinan dan berumahtangga adalah supaya kita beranak-pinak dan bertambah banyak, dan meneruskan pusaka iman kita kepada generasi yang akan datang.



Doa

Galakkan mereka untuk mengambil sedikit masa untuk berdoa syafaat bagi Ibu bapa dan pemimpin gereja mereka. Suruh mereka berdoa supaya Tuhan akan melindungi dan memberkati perkahwinan mereka, dan supaya kesatuan dan cinta kasih mereka akan terus bertambah di dalam-Nya.

Persiapan Untuk Minggu Hadapan

Anda perlu menjemput beberapa pasangan yang telah berkahwin sebagai panel untuk berkongsi dan menjawab soalan-soalan tentang perkahwinan dan kehidupan perkahwinan mereka. Pastikan pasangan yang dijemput adalah pasangan yang matang kerohaniannya dan mempunyai perkahwinan yang stabil; atau pun mereka yang perkahwinan pernah goyah tetapi telah dapat dipulihkan dalam Tuhan. Minta setiap pasangan untuk berkongsi apakah maknanya kehidupan perkahwinan serta peranan mereka masing-masing dalam perkahwinan tersebut. Masa perkongsian jangan lebih daripada 5 minit.

Sesi 6: Pasangan Yang Setara?



Objektif-Objektif Sesi

1. Belajar tentang erti kehidupan perkahwinan daripada beberapa pasangan Kristian.
2. Mengetahui peranan yang saling melengkapi yang Tuhan telah berikan kepada suami dan isteri.
3. Membincangkan jawapan daripada Alkitab terhadap masalah yang biasa atau yang mungkin timbul dalam satu perkahwinan.



Pencetus Minat

Panel Perkahwinan

1. Tujuan aktiviti ini adalah untuk beberapa pasangan Kristian yang telah berkahwin untuk berkongsi dan menjawab soalan-soalan tentang perkahwinan daripada para peserta.
2. Perkenalkan pasangan-pasangan jemputan anda kepada para peserta.
3. Biar setiap pasangan kongsi apa yang telah mereka sediakan. Beritahu mereka masa yang diperuntukkan adalah **5 minit sahaja**.
4. Kemudian beri peluang untuk soal-jawab.
5. Beritahu para peserta bahawa mereka bebas bertanyakan sebarang soalan yang mereka ingin tahu tentang perkahwinan.
6. Kemudian ringkaskan apa yang telah dikongsi dan lanjutkan dengan aktiviti-aktiviti di Sesi 6 ini.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Anda baru saja mendengar beberapa perkongsian tentang sebuah perkahwinan dan apakah yang menjadikan perkahwinan itu baik (*ubah suai mengikut apa yang dikongsi oleh pasangan anda*).
2. Jika anda mempunyai beberapa orang yang hidup atau bekerja bersama, apa yang anda fikir perlu supaya kumpulan itu boleh berfungsi bersama secara harmoni? (*Biar mereka jawab*).
3. Ada beberapa syarat yang diperlukan:
 - a. Mesti ada seseorang yang memimpin dan jadi bos. Bukan senang untuk satu kumpulan berfungsi jika terdapat lebih daripada satu orang yang memimpin. Semua ahli boleh berbincang dan mencapai satu keputusan umum tetapi

- adalah lebih baik jika ada seseorang yang boleh memimpin dan membuat keputusan akhir.
- b. Mesti ada beberapa peraturan atau pengurusan supaya ketertiban boleh wujud dan kerja boleh berjalan lancar. Dalam satu perhubungan juga, misalnya sebuah persahabatan, juga terdapat peraturan tersirat yang menentukan satu perhubungan yang baik.
 - c. Setiap orang mesti setuju untuk mematuhi peraturan yang telah ditetapkan dalam kumpulan itu. Kalau tidak, ia tidak dapat berfungsi dengan baik dan berjaya.
4. Perkahwinan juga seperti itu. Walaupun ia hanya melibatkan dua orang, ia mesti mempunyai beberapa peraturan di dalamnya yang membolehkannya berfungsi dengan baik.
5. Inilah yang kita hendak bincangkan dalam sesi ini – untuk mempelajari apa yang Tuhan telah tetapkan dalam satu perhubungan perkahwinan supaya ia boleh berfungsi dengan baik dan berjaya.

B. Peranan Suami

1. Dialah Yang Memimpin (Efesus 5:23)

- a. Paulus dengan jelas menyatakan bahawa suamilah yang jadi kepala kepada isteri.
- b. Apakah sebab Paulus mengatakan begitu? (*Biar mereka jawab*)
- c. Dia berkata bahawa corak ini telah diberikan kepada kita dalam perhubungan Kristus dengan jemaat-Nya. Sama seperti Kristus menjadi kepala kepada Gereja-Nya, begitu juga seorang suami harus menjadi kepala kepada isterinya.
- d. Apakah maksudnya menjadi 'kepala' kepada isterinya? (*Biar mereka jawab*)
- e. Ia bermaksud suami hendaklah menjadi pemimpin. Dialah yang bertanggungjawab kepada Tuhan bagi perhubungan perkahwinannya.
- f. Itu tidak bermaksud dia membuat segala keputusan. Tetapi ia betul-betul bermaksud dialah yang membuat keputusan muktamad kerana dia menanggung beban tanggungjawab sebagai orang yang memimpin.
- g. Sebagai kepala, ia juga bermaksud bahawa pada akhirnya dialah yang bertanggungjawab bagi kebaikan isteri yang telah diamanatkan kepada jagaannya oleh Tuhan. Itu meliputi semua aspek kehidupannya termasuklah kesejahteraan rohaninya.

- h. Ia tidak bermaksud bahawa sebagai kepala, suami kena selalu berfungsi seperti seorang diktator dan membuat tuntutan dengan caranya sahaja. Seorang kepala yang bertanggungjawab akan sentiasa mempertimbangkan kebajikan mereka yang di bawah pimpinan dan jagaannya kerana dia bertanggungjawab untuk menjaga mereka.

2. Dia Hendaklah Mengasihi (Efesus 5:25-33)

- a. Selain memimpin, Paulus juga mengingatkan suami bahawa dia hendaklah mengasihi isterinya sama seperti Kristus mengasihi Gereja-Nya (ayat 25).
- b. Dia hendaklah menjadi seorang kepala yang mengasihi. Dalam cara apakah seorang suami harus mengasihi isterinya? *(Biar mereka jawab dan minta mereka terangkan apa maknanya.)*
- c. Sekali lagi Paulus menunjukkan kita kepada Kristus. Teladan yang harus kita ikuti adalah Kristus mengasihi Gereja-Nya. Kristus mempertunjukkan kasih-Nya kepada kita dengan menyerahkan Diri-Nya bagi Gereja-Nya supaya ia boleh dikuduskan dan ditempatkan di hadapan-Nya sebagai pengantin yang berseri-seri, kudus dan murni.
- d. Itulah caranya seorang suami harus mengasihi isterinya. Dia bukan dipanggil untuk menguasai isterinya sebagai kepalanya. Dia dipanggil untuk mengorbankan dirinya dalam kasih terhadap isterinya. Paulus berkata bahawa dia harus mengasihinya sama seperti dia mengasihi dirinya (ayat 28).
- e. Bagaimana seseorang mengasihi dirinya? *(Biar mereka jawab)*
- f. Kita tidak akan melakukan sesuatu yang akan mencederakan diri kita, bukannya begitu? Kita akan sedaya-upaya memastikan segala keperluan dan keinginan kita dipenuhi.
- g. Paulus berkata begitulah caranya seorang suami hendak mengasihi isterinya – dengan mempertimbangkan pasangannya lebih daripada dirinya sendiri. Dia harus siap berkorban demi menjaga segala keperluan dan keinginan isterinya.
- h. Itu tidak sepadan dengan apa yang kita biasa lihat dalam seorang pemimpin, bukan? Biasanya seorang pemimpin mahu keperluan dirinya dipenuhi dahulu. Walaupun dia menjaga bawahannya, dia tidak pernah cukup berprihatin untuk mengorbankan dirinya bagi mereka.

- i. Itulah peranan seorang suami yang dituntut ke atas setiap lelaki Kristian. Kristus telah menjadi satu teladan untuk diikuti oleh mereka.

C. Peranan Isteri

1. Dia Harus Tunduk (Efesus 5:22-24)

- a. Paulus berkata bahawa peranan seorang isteri adalah untuk tunduk kepada suaminya sama seperti dia akan tunduk kepada Kristus, dan seperti gereja tunduk kepada Kristus.
- b. Apakah maksud pernyataan ini? (*Biar mereka jawab*)
- c. Tunduk kepada suami tidak bermaksud bahawa isteri harus menjadi *kain buruk atau pengelas kaki* di mana dia perlu mematuhi setiap hasrat suaminya dan dikuasai olehnya.
- d. Nasihat Paulus kepada isteri supaya tunduk kepada suami datang daripada nasihatnya kepada setiap orang Kristian untuk saling tunduk kepada satu sama lain.
- e. Sebagai umat Allah, kita diseru untuk merendahkan diri dan tunduk kepada satu sama lain dalam perhubungan kita dalam takut akan Kristus. Kita perlu sentiasa menempatkan hasrat-hasrat saudara dan saudari kita dalam Kristus di atas kehendak diri kita sendiri (*suruh mereka baca Filipi 2:3-8*).
- f. Sebab itulah walaupun peranan utama seorang isteri adalah untuk tunduk kepada suaminya, suaminya juga dipanggil untuk tunduk kepadanya, untuk mempertimbangkan hasrat dan keperluan isterinya juga.
- g. Jadi, peranan utama seorang isteri adalah untuk tunduk kepada kepala keluarga, manakala peranan utama seorang suami adalah menjadi kepala keluarga.
- h. Gereja tunduk kepada Kristus kerana Dialah kepalanya dan Dia mengasihi gerejaNya. Dengan cara yang sama, seorang isteri harus tunduk kepada suaminya kerana Tuhan telah jadikan suaminya sebagai kepala, bukan dia. Dan juga kerana suami diperintahkan supaya mengasihinya.
- i. Tetapi walaupun ada kalanya seorang suami gagal mengasihi isterinya, si isteri masih harus tunduk kepadanya kerana itulah perintah Tuhan kepadanya. Dia tunduk kerana itulah peranan yang telah ditetapkan oleh Tuhan kepadanya.
- j. Dalam cara yang sama, walaupun seorang isteri tidak belajar untuk tunduk kepada suami, suaminya tetap diperintahkan supaya menjadi kepalanya dan mengasihi isterinya seperti mana dia mengasihi dirinya sendiri. Itulah peranan yang telah ditetapkan oleh Tuhan.
- k. Secara semulajadi, jika seorang suami mengasihi isterinya

sama seperti dia mengasihi dirinya sendiri, tiada sebab mengapa si isteri tidak akan tunduk diri dengan sepenuh hati kepadanya!

2. Dia Harus Menghormati (Efesus 5:33)

- a. Isteri juga diperintahkan supaya menghormati suaminya. Apakah maksud ini? (*Biar mereka jawab*)
- b. Ini bermaksud bahawa dia perlu memuliakannya dan mengakuinya sebagai kepala Tuhan ke atasnya.
- c. Bila dalam beberapa perkara dia tidak menyetujui suaminya, dia masih harus membenarkan suaminya untuk membuat keputusan muktamad melainkan ia melibatkan sesuatu konflik moral.
- d. Menerima dan menghormati suami sebagai kepala mungkin susah terutamanya dalam kes-kes di mana kedua-dua pasangan sedang bekerja. Isteri mungkin berasa bahawa dia berhak menjadi bos juga kerana dia mungkin mempunyai pendapatan yang lebih besar. Inilah yang berlaku di masyarakat kini di mana kita diajar bahawa lelaki dan perempuan harus memiliki hak yang sama dalam segala hal dan segala hal mestilah dilakukan secara demokratik.
- e. Perspektif Alkitab adalah bahawa pada akhirnya, bila setiap hal telah dipertimbangkan, suami tetap adalah kepala. Dan dalam satu perkahwinan, isteri mesti belajar menghormati pimpinan suaminya.

D. Peranan Mereka Bersama

1. Adakah perbezaan dalam peranan suami dan isteri menjadikan mereka pasangan yang tidak setara (sama rata)? Adakah di mata Tuhan, isteri lebih rendah daripada suami? (*Biar mereka jawab*)
2. Mulai dari penciptaan di kitab Kejadian, Alkitab memberitahu kita bahawa Allah mencipta kedua-dua lelaki dan perempuan mengikut gambar-Nya. Kedua-dua mereka bersama membayangkan gambar-Nya.
3. Adalah amat jelas di sini bahawa di mata Tuhan tiada ketidaksamaan. Kedua-dua lelaki dan perempuan dicipta sama rata dan setara di hadapan Tuhan.
4. Walaupun suami harus memimpin manakala isterinya mengikut, ia tidak bermaksud bahawa nilai mereka tidak sama. Yang berbeza adalah peranan mereka.
5. Dipanggil untuk memimpin tidak menjadikan lelaki lebih baik

daripada perempuan. Menjadi pengikut tidak juga menjadikan perempuan lebih rendah daripada lelaki.

6. Lelaki memimpin kerana Tuhan memanggilnya supaya berbuat demikian. Manakala perempuan menurut kerana Tuhan dengan cara yang sama telah memanggilnya supaya berbuat demikian.
7. Kedua-dua peranan ini saling memenuhi. Lelaki mestilah mengambil kepimpinan supaya perempuan boleh mengikut. Dengan cara yang sama perempuan mestilah tunduk supaya lelaki boleh memimpin dengan berkesan. Apabila tiap mereka memenuhi peranan yang telah ditetapkan oleh Tuhan, akan ada keharmonian dan kelengkapan dalam perhubungan mereka seperti yang diinginkan oleh Tuhan.
8. Inilah peraturan yang Tuhan telah tetapkan dalam satu perhubungan perkahwinan supaya ada keharmonian dalam rumahtangga yang dibina. Bila lelaki dan perempuan memenuhi peranan yang diperintahkan oleh Tuhan kepada mereka, perkahwinan mereka akan menjadi seperti satu cermin yang mencerminkan kasih Kristus kepada Gereja-Nya.



Doa

Galakkan mereka berdoa agar mereka menyimpan dalam hati apa yang telah dipelajari hari ini. Berdoa agar mereka akan memenuhi perintah Tuhan sesuai dengan peranan yang dia telah tetapkan untuk seorang suami atau isteri apabila mereka berumah tangga satu hari nanti.

Sesi 7: Bujang Tapi Puas



Objektif-Objektif Sesi

1. Mengetahui bahawa kebanyakan orang mengandaikan satu hari nanti mereka pasti akan berkahwin juga.
2. Menyedari bahawa Allah memberi karunia membujang kepada sesetengah orang demi Kerajaan Allah.
3. Memahami bahawa membujang adalah satu pilihan sehingga ada orang yang perlu menerima apa yang telah dikurniakan oleh Tuhan dan mendedikasikan masa serta tenaga mereka kepada pekerjaan-Nya.
4. Memikirkan semula sikap mereka yang lalu terhadap orang yang tidak berkahwin.
5. Mengambil sedikit masa untuk berdoa bagi orang bujang dalam jemaat atau persekutuan mereka.



Pencetus Minat

Pandangan Dunia: Bujang dan Kasihan

1. Bahagikan mereka kepada beberapa kumpulan 4 atau 5 orang.
2. Suruh mereka catatkan apa pendapat pertama yang timbul dalam fikiran mereka apabila mereka nampak atau terfikir seseorang yang tidak berkahwin.
3. Suruh mereka kongsi apa yang mereka tulis.
4. Tuliskan di papan tulis beberapa tanggapan umum yang ada.



Aktiviti Bersama

1. Tujuan aktiviti ini adalah untuk menghendaki para peserta memilih jenis orang yang mereka ingini sebagai pasangan hidup mereka.
2. Bahagikan para peserta ke dalam kumpulan empat atau lima orang.
3. Suruh mereka membuat aktiviti tersebut secara individu.
4. Kemudian minta mereka berkongsi apa yang mereka telah tuliskan dan beri sebab-sebab bagi pilihan mereka.



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Kita semua memiliki impian tentang orang yang bagaimanakah kita ingin sebagai pasangan hidup kita, bukan? (*Biar mereka jawab*)
2. Kebanyakan daripada kita mengandaikan bahawa akhirnya kita akan berkahwin juga dan mempunyai anak-anak satu hari nanti. (*Tanya berapa daripada mereka yang tidak berminat untuk berkahwin*).
3. Mengikut pendapat anda, mengapakah kebanyakan orang mengandaikan mereka akan berkahwin juga satu hari nanti? (*Biar mereka jawab*)
4. Dalam Sesi 4, kita mempelajari bahawa Tuhan mencipta lelaki dan perempuan untuk satu sama lain dan menyatukan mereka dalam satu perhubungan perkahwinan.
5. Namun begitu, kita juga ada mempelajari bahawa walaupun itu adalah tujuan dan rancangan asal Tuhan, ia tidak bermaksud bahawa setiap orang akan berkahwin juga pada akhirnya. Kenapakah demikian? (*Biar mereka jawab*)
6. Ada beberapa sebab ini terjadi:
 - a. Melalui pilihan – kerana sebab-sebab peribadi tertentu, ada lelaki atau perempuan yang memilih untuk tidak berkahwin.
 - b. Disebabkan keadaan – kesukaran dalam keluarga, masalah kewangan, tidak ada orang dari lawan jenis yang sesuai, dsbnya.
 - c. Demi untuk melayani Tuhan – ada orang Kristian yang memilih untuk tidak berkahwin kerana meeka hendak mendedikasikan tenaga dan masa mereka untuk melayani Tuhan.
7. Sebagai orang Kristian, kita perlu mengetahui bahawa adalah dalam rancangan dan tujuan Tuhan juga untuk sesetengah orang tidak berkahwin. Inilah yang akan kita bincangkan dalam sesi ini.

B. Pandangan Dunia Tentang Hidup Membujang: Kasih & Kesepian

1. Dalam masyarakat Asia, bukan senang menjadi seorang bujang yang tidak berkahwin.
2. Kebanyakan orang Asia tidak mempunyai sikap yang positif terhadap orang yang tidak berkahwin, terutamanya terhadap perempuan.

3. Mereka memandang perempuan yang tidak berkahwin sebagai “anak dara tua”, ditinggal pada rak kerana mereka gagal “memancing” seorang lelaki untuk mengahwininya.
4. Mereka biasanya dianggap sebagai “barangan yang cacat” – ada sesuatu yang tak kena dengan mereka sebab itu mereka tidak mendapat jodoh.
5. Ramai orang yang tidak berkahwin dipandang sebagai golongan yang kasihan, seolah-olah mereka telah gagal mendapat sesuatu yang paling penting dalam hidup. Biasanya, dalam kalangan Kristian juga, orang kerap akan bertanya soalan yang memalukan atau mula menjodohkan orang bila mereka dapati seseorang itu telah meningkat dewasa dan belum lagi mempunyai pasangan.
6. Kebanyakan ibu bapa Asia, termasuk saudara-mara yang bermaksud baik, menjadi amat risau bila anak mereka mencapai usia akhir dua puluhan tetapi belum lagi berkahwin. Ini terutamanya jika ianya adalah anak perempuan.
7. Entah kenapa, terdapat satu stigma sosial di mana bujang selalunya dikaitkan sebagai satu tanda aib. Tanggapan itu membawa maksud anda tidak laku, tidak memiliki sesuatu untuk membuat orang dari lawan jenis berminat kepada anda.
8. Untuk lelaki bujang ianya tidaklah seburuk perempuan. Mungkin ada sedikit tekanan tetapi stigma sosial yang berkait dengan lelaki yang tidak berkahwin adalah kurang.
9. Ada banyak sekali tekanan besar ke atas perempuan untuk berkahwin bila mereka melepasi usia berkahwin, terutamanya bila mereka mendekati pertengahan hingga akhir tiga-puluhan. Ramai gadis Kristian didesak oleh keluarga dan rakan mereka supaya tidak memilih-milih, malah ada yang dipaksa berkahwin dengan lelaki bukan Kristian.
10. Tanggapan itu kelihatannya bermaksud setiap orang mestilah berkahwin. Ada sesuatu yang tidak kena dengan anda jika anda masih tidak berkahwin, walaupun anda memilih untuk membujang.
11. Dengan bertambah majunya masyarakat Asia, sikap sedemikian sudah berubah perlahan-lahan walaupun tekanan masih ada. Ramai orang menangguhkan perkahwinan ke usia yang lebih lewat kerana mereka hendak mengejar kerjaya mereka dahulu. Walaupun masyarakat sudah dapat menerima orang berkahwin di usia yang lebih lewat, terutamanya bagi perempuan, tanggapan bahawa lebih baik dan lebih sempurna berkahwin tetap ada.
12. Adakah seorang yang tidak berkahwin kurang sempurna hidup-

nya daripada seorang yang telah berkahwin? (*Biar mereka jawab*)

13. Pada pendapat anda, bagaimana Tuhan memandang orang yang tidak berkahwin? Adakah orang yang tidak berkahwin adalah warganegara kelas dua dalam Kerajaan Allah?
14. Marilah kita kaji apa yang Alkitab katakan tentang perkara ini.

C. Pandangan Alkitab: Bujang dan Puas Hati

- i. Suruh mereka baca Matus 19:3-12.
- ii. Tanya mereka soalan-soalan berikut:
 - *Bagaimanakah Yesus memberi respon kepada pendapat bahawa lebih baik jangan kahwin?* (Ini bukanlah untuk semua orang tetapi khusus kepada tiga golongan orang)
 - *Apakah maksud “sida-sida” ?* (Ia biasanya merujuk kepada seorang yang alat kelaminnya telah dikebirikan)
 - *Apakah tiga golongan orang yang disebut oleh Yesus?* (Mereka yang dilahirkan sebagai sida-sida, mereka yang dijadikan demikian oleh orang lain serta mereka yang membuat dirinya demikian kerana kemahuannya sendiri oleh kerana Kerajaan Syurga)
 - *Mengapakah perkahwinan itu bukan untuk dua golongan orang yang pertama?* (Kerana dengan tiadanya alat kelamin, mereka tidak ada pilihan kecuali membujang. Walau bagaimanapun, terdapat banyak kes di mana sida-sida berkahwin dalam sesetengah budaya)
- iii. Suruh mereka terangkan apa yang Yesus maksudkan dengan golongan orang yang ketiga.
- iv. Kemudian suruh mereka baca dan bincang 1 Korintus 7:7-9, 25-35 untuk mengetahui pandangan Paulus.

1. Suatu Karunia Yang Dianugerahkan

- a. Yesus berkata bahawa bukan setiap orang boleh terima idea dan hakikat tidak berkahwin. Ia harus diberikan kepada mereka dari Tuhan (Matus 19:11).
- b. Paulus berkata bahawa tidak berkahwin adalah karunia dari Tuhan (1 Korintus 7:7). Ia adalah karunia sama seperti karunia rohani yang lain.
- c. Bukan senang untuk tidak berkahwin kerana setiap lelaki dan perempuan dicipta untuk mencari pasangan dalam satu perhubungan kahwin. Ramai orang menentang idea untuk hidup membujang, walaupun mereka tahu bahawa Tuhan tetap memimpin mereka dalam perjalanan itu.

- d. Sebab itulah Yesus berkata bukan semua orang dapat menerima ini tetapi hanya mereka yang telah diberikan karunia tersebut oleh Tuhan. Jika Tuhan berikan anda karunia ini, maka belajarlah untuk menerimanya sebagai karunia dari Tuhan. Bersyukurlah sama seperti anda bersyukur bagi karunia-karunia yang lain dari Tuhan.
- e. Jika tidak, anda akan berakhir dengan kehidupan yang sengsara. Daripada merasa puas dengan apa yang anda ada dan menggunakan segala yang anda miliki demi kebaikan Kerajaan Allah, anda akan sentiasa merungut tentang takdir dalam hidup anda.
- f. Dalam segala krisis atau kesukaran hidup, Tuhan tidak selalu menjawab soalan “Mengapa” kita. Apa yang lebih penting adalah respon anda terhadap apa yang anda sedang tempuhi. Adakah anda akan percaya Tuhan dengan kehidupan anda, atau anda akan membelakangiNya dengan kepahitan dan kemarahan?
- g. Alkitab mengingatkan kita berulang-kali bahawa Allah mengasihi kita dan kehendakNya adalah baik, berkenan dan sempurna (Roma 12:2). Jadi adalah baik untuk belajar menjalankan kehidupan yang beriman dan puas dalam kehendakNya (1 Timotius 6:6).
- h. Pada masa yang sama, kita juga harus belajar mengambil sikap yang betul terhadap mereka yang tidak berkahwin dan tidak memandang mereka sebagai objek yang perlu dikasihani.
- i. Kita harus menghormati status bujang mereka dan membantu mereka mendapatkan makna di dalamnya, dan bukannya sentiasa menggalakkan mereka supaya berkahwin.

2. Suatu Karunia Yang Diterima

- a. Karunia ini diekspresikan dalam pilihan seorang untuk tidak berkahwin demi Kerajaan Allah (Matius 19:12). Walaupun ini adalah keadaan yang ideal, ramai orang bergumul untuk hidup membujang sebelum mereka menerimanya sebagai kehendak Tuhan bagi mereka.
- b. Paulus berkata bahawa seorang bujang lebih mampu mendedikasikan dirinya dengan sepenuhnya untuk melayani dan menyenangkan Tuhan (1 Korintus 7:32).
- c. Seorang yang berkahwin perlu menjaga hal-ehwal pasangannya dan cuba untuk menyenangkan mereka (1 Korintus 7:33-35). Oleh itu, tumpuan mereka berbelah-

bahagi.

- d. Pandangan Paulus sendiri adalah bahawa kerana waktu itu singkat, maka lebih baik membujang supaya dapat melayani Tuhan dengan lebih lagi.
- e. Tuhan menganugerahkan karunia membujang untuk membolehkan seseorang memberi dedikasi kepada Tuhan sepenuhnya dan untuk melayani-Nya.
- f. Ia bukanlah suatu cara hidup yang “lebih mulia” tetapi suatu panggilan istimewa.
- g. Bagaimana anda tahu adakah anda mempunyai karunia membujang? (*Biar mereka jawab*)
- h. Salah satu petunjuknya adalah anda berhasrat untuk melayani Tuhan dan anda tidak keberatan samada anda melakukannya sebagai seorang bujang atau tidak.
- i. Akhirnya ia perlu diuji melalui masa. Jika Tuhan tidak membawa seorang yang istimewa ke dalam kehidupan anda, dan anda mampu hidup tanpa berkahwin dan menyerahkan status bujang anda kepada Tuhan, maka mungkin Tuhan menghendaki anda untuk tetap membujang demi-Nya.
- j. Ingatlah bahawa Tuhan akan hanya memberikan karunia tersebut kepada mereka yang boleh menerimanya. Pada masa yang sama, adalah menjadi tanggungjawab anda untuk rela membenarkan Tuhan memberi anda apa yang terbaik menurut-Nya dan berpuas hati dengannya.
- k. Paulus mengajar kita supaya tetap berada di tempat yang Tuhan telah tempatkan kita sehinggalah tiba saat Dia memanggil kita keluar daripadanya.
- l. Seiring dengan masa, jika Tuhan tidak memberi anda seorang teman hidup, belajarlah untuk berdiam di dalam-Nya dan berpuas hatilah dengan keadaan anda.



Doa

Galakkan mereka berdoa untuk ahli jemaat yang masih belum berkahwin lagi.

Sesi 8: Sudah Tidak Serasi Lagi?



Objektif-Objektif Sesi

1. Membincangkan pelbagai alternatif kepada perkahwinan yang diamalkan dalam masyarakat kini.
2. Mempelajari dari perspektif Alkitab adakah perceraian adalah satu gaya hidup yang boleh diterima.
3. Mempelajari apakah pendirian Alkitab ke atas isu perceraian dan perpisahan.



Aktiviti Bersama

Tujuan aktiviti ini adalah untuk membolehkan para peserta memahami siapakah jiran dalam masalah yang diberi. Jawapan kepada masalah tersebut adalah:

Suzy & Alex Maniam	Lee Kee Soon & Lee Su Ann	Grace & Lisa Ling	Tan Thomas & Tan Mee Ling	Paul & Jenny Mathews
--------------------------	---------------------------------	----------------------	---------------------------------	-------------------------



Renungan Firman Tuhan

A. Pengenalan

1. Adakah senang bagi anda untuk mencari penyelesaian kepada masalah mengenali jiran anda yang ramah itu? (*Biar mereka jawab*)
2. Sebenarnya, ia hanya suatu perkara logik mudah. Jika anda telah mengikuti petunjuk dengan teliti, anda pasti mendapat penyelesaiannya.
3. Memang anda tidak boleh menjadi seperti jiran sebelah anda yang suka jaga tepi kain orang lain dan cuba mengetahui pasangan suami isteri dengani petunjuk-petunjuk yang diberi.
4. Anda hanya boleh mengetahui nama pasangan tersebut, dan bukannya status perkahwinan mereka.
5. Walaupun ini hanyalah satu keadaan rekaan sahaja, tetapi ia bukan lagi sesuatu yang luarbiasa dalam masyarakat moden Asia masa kini.
6. Ramai orang muda telah meninggalkan apa yang mereka anggap sebagai nilai-nilai kolot dan memegang idea-idea tersendiri untuk apa yang mereka ingini bagi diri mereka sendiri. Mereka dipengaruhi oleh apa yang mereka nampak dan yang digambarkan di Barat serta kini dalam media-media Timur, terutamanya dalam filem.

7. Apakah gaya hidup baru yang kini dianggap sebagai alternatif kepada berkahwin? (*Biar mereka jawab. Kemudian tanya mereka apa agaknya respon Alkitab terhadap gaya hidup seperti itu*).
8. Hidup sebagai seorang homoseksual bukan suatu alternatif dari perspektif Alkitab. Dengan cara yang sama, hidup dengan pasangan homoseksual juga bukannya suatu “perhubungan perkahwinan”.
9. Hidup bersama sebelum kahwin juga bukan suatu alternatif. Alkitab sangat jelas dengan kedudukan unik seks yang hanya untuk dalam satu perhubungan perkahwinan sahaja.
10. Adakah mungkin untuk hidup bersama dan tidak berakhir dengan perhubungan seks? (*Biar mereka jawab*)
11. Adalah amat tidak mungkin ini tidak berlaku kecuali pasangan itu sangat berdisiplin. Walaupun ia mungkin, pasangan itu telah mendedahkan diri mereka kepada godaan yang seharusnya dapat dielakkan. Pada masa yang sama, mereka mungkin menyebabkan orang Kristian tersandung.
12. Satu alternatif yang baik adalah hidup sebagai satu komuniti Kristian, berkongsi rumah yang sama dengan beberapa orang saudara dan saudari seiman. Anda juga boleh membuka rumah tersebut untuk menghulurkan layanan mesra anda kepada rakan-rakan bukan-Kristian anda yang lain.
13. Bagaimana pula dengan seluruh isu perceraian dan perpisahan sebagai satu alternatif yang lain? Dahulu ini adalah subjek pantang dalam masyarakat Asia.
14. Kebanyakan orang dari generasi terdahulu lebih rela menempuhi kesengsaraan dalam perkahwinan mereka daripada bercerai atau berpisah. Menurut anda, apakah sebab-sebab mereka berbuat demikian? (*Biar mereka jawab*)
15. Dalam masyarakat moden hari ini, sikap terhadap isu ini telah berubah. Bagaimana seorang Kristian harus respon terhadap isu ini?
16. Inilah yang kita ingin bincangkan dalam sesi hari ini.

B. Adakah Perceraian Suatu Alternatif?

- i. Bahagikan para peserta kepada berpasangan.
- ii. Edarkan sekeping kertas dan sebatang pensel kepada setiap pasangan yang hadir.
- iii. Suruh seorang daripada pasangan tersebut membaca Matius 19:1-9, dan yang satu lagi Markus 10:1-12.
- iv. Minta mereka berperanan seperti orang Farisi yang datang kepada Yesus. Suruh mereka bayangkan bahawa mereka telah kembali untuk melaporkan kepada Imam Besar tentang apa yang telah berlaku. Suruh mereka catatkan apa yang mereka

akan beritahu kepada Imam Besar berkenaan dengan usaha mereka untuk memerangkap Yesus dan bagaimana Dia memberi respon.

- v. Kemudian suruh setiap kumpulan berkongsi apa yang mereka telah tulis.

Ringkaskan seperti berikut:

1. Yang Ideal Dari Tuhan

- a. Yesus memetik dari kitab Kejadian dan berkata dengan jelas sekali kepada orang Farisi bahawa tujuan Tuhan untuk lelaki dan perempuan sejak Penciptaan adalah supaya mereka disatukan dalam satu perhubungan perkahwinan (Matius 19:4-5; Markus 10:6-8).
- b. Perkahwinan adalah sesuatu yang ideal dari Tuhan untuk lelaki dan perempuan.
- c. Malah dalam mata Tuhan, ia adalah jauh lebih penting daripada perhubungan antara seseorang dengan ibu bapanya. *(Minta mereka mengingat kembali apa yang telah mereka pelajari di Sesi lalu)*
- d. Dalam perkahwinan, seorang lelaki dan seorang perempuan menjadi satu di mata Tuhan – mereka diikat bukan saja secara fizikal melalui penyatuan seks tetapi juga aspek rohani mereka (*rujuk kepada 1 Korintus 6:16-17*).
- e. Mereka berkongsi satu kesatuan dan penyatuan yang tidak dapat ditemui di mana-mana jenis perhubungan yang lain. Dalam istilah Alkitab, mereka menjadi “satu daging”.
- f. Ibu bapa yang dahulunya adalah orang utama dalam kehidupan lelaki atau perempuan tersebut juga kini mengambil peranan sekunder. Pasangan yang baru berkahwin harus meninggalkan ibu bapa mereka supaya mereka boleh bersatu bersama-sama dan membentuk satu unit keluarga yang berasingan.
- g. Di sini Yesus menambah sesuatu lagi yang tidak dijumpai di Kejadian 2. Dia mengatakan bahawa selepas keduanya menjadi satu daging, tiada orang yang boleh pisahkan apa yang Tuhan telah satukan (Matius 19:6; Markus 10:8-9).
- h. Kenyataan Yesus memberi kita dua sebab yang kuat untuk menentang perceraian:
 - (i) Perceraian memisahkan apa yang telah jadi ‘satu orang’ di mata Tuhan.
 - Jika dua orang telah jadi satu di mata Tuhan, maka itu bererti bahawa penyatuan perkahwinan adalah untuk sesuatu yang kekal dan tidak harus dipecahkan.

- Ikatan perkahwinan adalah sesuatu yang suci sehingga Tuhan menganggap seorang yang telah bercerai dan berahwin semula sebagai berzina (Markus 10:11-12). “Satu daging” dalam mata Tuhan tidak boleh dibubarkan oleh perbuatan bercerai.
 - Jadi menurut Yesus, perceraian adalah memisahkan apa yang telah diikat bersama secara kekal di hadapan Tuhan.
- (ii) Perceraian memisahkan apa yang telah diikat oleh Tuhan sendiri.
- Kita perlu memandang perkahwinan lebih daripada dua orang setuju untuk menjadi suami dan isteri. Yesus berkata bahawa ia adalah satu penyatuan yang dipanggil oleh Allah dan diikat oleh-Nya.
 - Dalam perkahwinan, Allah sendiri menyatukan dua orang yang Dia telah panggil untuk hidup bersama dalam perhubungan yang istimewa yang telah ditahbis sendiri oleh-Nya (Maleakhi 2:15).
 - Oleh sebab itulah menceraikan satu perkahwinan pada dasarnya adalah mengingkari sesuatu yang telah dilakukan oleh Allah – ia memecah-belahkan apa yang telah Allah satukan bersama.
 - Dalam Maleakhi 2:16 (*suruh mereka buka ke ayat ini*), dengan tegas Allah mengatakan bahawa Dia membenci perceraian.

2. Penyimpangan Oleh Manusia

- a. Pada zaman Yesus, perceraian sering menjadi topik perdebatan. Ada percanggahan antara ahli-ahli Taurat tentang apa yang membenarkan perceraian seperti yang terdapat dalam Taurat Musa (Ulangan 24:1-4).
- b. Jawapan Yesus bertujuan membawa mereka kembali kepada apa yang telah ditetapkan Allah dalam Kejadian. Dia menunjuk kepada orang Farisi bahawa Taurat Musa ditambah disebabkan oleh ketegaran/kekerasan hati mereka (Matius 19:8; Markus 10:5), bukan kerana ia adalah jalan Allah.
- c. Perceraian tidak diperintah tetapi diizinkan (Matius 19:8) oleh Musa sebagai satu sekatan ke atas kebebasan suami yang tak terhad untuk menceraikan isterinya. Surat (*suruh mereka rujuk kepada Ulangan 24:1-4*) atau dokumen bertujuan untuk melindungi sang isteri di mana sang suami terpaksa tuliskan aduannya secara formal. Dia tidak boleh menceraikan isterinya dengan sesuka hati sahaja.

- d. Musa telah membenarkan perceraian dalam satu masyarakat yang telah jatuh dari tujuan asal Tuhan. Jika tidak, perceraian akan berleluasa dan nasib ramai isteri hanya tertakluk kepada belas kasihan suami mereka sahaja.
- e. Satu-satunya sebab yang Yesus benarkan bagi perceraian adalah bila berlakunya kecurangan dalam perkahwinan atau perzinahan (*Matius 19:9, 5:32*).
- f. Dalam kes begini, kerana pasangan telah memecahkan ikatan perkahwinan mereka dengan menyatukan dirinya kepada orang lain, sang suami atau isteri mempunyai hak untuk menceraikan pasangannya. Yesus tidak membenarkan sebarang pengecualian yang lain selain daripada itu.
- g. Bagaimanapun, ingatlah bahawa semua ini adalah perintah Yesus bagi umatNya, bukan bagi mereka yang di luar agama Yahudi atau komuniti Kristian.
- h. Oleh itu bagi seorang Kristian, bercerai hanya kerana perkahwinan tidak berjalan dengan lancar bukanlah satu pilihan. Dan bila anda berkahwin semula, Yesus berkata anda telah berbuat zina terhadap pasangan anda (*Markus 10:11-12*).
- i. Kita dipanggil untuk berusaha menjaga perkahwinan kita kerana dalam perkahwinan itulah kita mencerminkan penyatuan Kristus dengan gereja yang Dia kasihi. Tanpa peraturan yang keras dan tak berkompromi ini, ramai orang akan ingin keluar dari ikatan perkahwinan mereka bila keadaan menjadi sukar seperti yang berlaku kepada Orang Yahudi di zaman dahulu.
- j. Seperti yang dikatakan oleh seorang penulis Kristian, perkahwinan adalah seorang yang berdosa mengahwini seorang berdosa yang lain. Ia memerlukan kerja yang keras untuk belajar menerima dan bertahan antara satu sama lain, dan saling mengampuni untuk kesalahan masing-masing.
- k. Satu lagi sebab untuk tidak bercerai adalah hakikat bahawa perceraian meninggalkan kesan negatif yang berkekalan ke atas anak-anak. Alkitab tidak menyebut tentang ini (*walaupun Maleakhi 2:15-16 membayangkan ke arah ini*) tetapi banyak kajian telah menunjukkan bahawa perceraian mempunyai kesan-kesan yang amat buruk ke atas anak-anak. Alkitab sentiasa mengandaikan bahawa anak-anak harus mendapat asuhan yang terbaik supaya mencapai kedewasaan mereka dalam satu keluarga di mana kedua-dua ibu bapanya mengenal Tuhan.
- l. *(Anda mungkin hendak melanjutkan perbincangan tentang isu ini jika ada masa atau jika para peserta berminat. Anda boleh tanya mereka samada mereka kenal sesiapa yang ibubapanya berpisah atau bercerai dan minta mereka kongsi pemerhatian mereka.)*

C. Pengecualian Kepada Peraturan?

1. Bolehkah anda berkahwin semula jika pasangan anda berzina dan anda diceraikan? (*Biar mereka jawab. Suruh mereka baca Matius 19:8-9*).
2. Yesus seolah-olah membuat satu pengecualian di sini walaupun Dia mengatakan dengan jelas bahawa semua ini dibenarkan disebabkan kekerasan hati manusia. Perkataan-Nya mencadangkan dalam satu kes perceraian yang disebabkan kecurangan, pasangan tersebut bebas untuk kahwin semula.
3. Apa yang berlaku jika seorang Kristian berkahwin dengan seorang pasangan bukan Kristian dan pasangan tersebut menuntut cerai? (*Biar mereka jawab. Suruh mereka baca 1 Korintus 7:12-16*).
4. Di sini Paulus diandaikan sedang berkata tentang orang yang menjadi Kristian selepas perkahwinan mereka. Pendapat Paulus adalah orang Kristian tersebut harus cuba untuk tetap dalam perkahwinan sebab dia boleh menjadi alat Tuhan untuk membawa pasangannya kepada Kristus (*ayat-ayat 14, 16*).
5. Suami atau isteri Kristian tersebut tidak dibenarkan untuk menceraikan pasangannya atas sebab pasangannya bukan orang yang percaya (*ayat-ayat 12 -13*).
6. Namun begitu, dia berkata sekiranya suami atau isteri bukan Kristian tersebut hendak meninggalkannya, maka orang yang percaya tersebut harus membiarkan pasangannya pergi (*ayat 15*). Dalam kes itu, bolehkah suami atau isteri Kristian tersebut kahwin semula? (*Biar mereka jawab*).
7. Kes ini adalah sama seperti keadaan yang disebut oleh Yesus bahawa jika seseorang berbuat zina, pasangannya bebas untuk kahwin semula. Ini bermakna bila suami atau isteri yang telah menceraikan pasangannya berkahwin semula dan dengan itu dikatakan telah berbuat zina terhadap pasangannya, pasangannya bebas untuk berkahwin semula tetapi dengan seorang Kristian (*ayat 39*).
8. Jika suami isteri tidak dibenarkan untuk bercerai, bolehkah mereka berpisah hidup? (*Biar mereka jawab. Kemudian suruh mereka baca 1 Korintus 7:10-11*).
9. Di sini Paulus berkata dengan jelas bahawa perintah itu adalah daripada Allah sendiri. Perpisahan dibenarkan tetapi tidak untuk perceraian.
10. Jika orang itu berpisah, dia tidak dibenarkan untuk kahwin semula selagi pasangannya masih hidup. Satu-satunya alternatif yang ada adalah berdamai dan merujuk semula.
11. Bagaimana pula tentang kes dera, samada ke atas pasangan

atau anak? Adakah pasangan itu masih terikat untuk tetap dalam perkahwinan? (*Biar mereka jawab*).

12. Ini bukanlah suatu soalan yang mudah dijawab. Demi kesela-matan dan kesihatan emosi pasangan atau anak yang terlibat, dia memang harus berusaha untuk tinggal berasingan daripada pasangan yang suka mendera.
13. Dalam kes-kes begini, pasangan yang didera harus mendapat bantuan daripada orang lain tentang apa yang harus dia lakukan, dan juga membantu pasangannya sekiranya dia terbuka untuk mendapat bantuan kaunseling.
14. Perpisahan adalah satu pilihan tetapi perceraian pula bukan. Kecuali pasangan mendera hendak keluar dari perkahwinan, kalau tidak, kita harus patuhi perintah Yesus. Dalam kes sedemikian, adalah sentiasa terbaik untuk mendapat nasihat daripada pastor atau pemimpin gereja supaya seseorang dapat dipimpin untuk membuat keputusan yang terbaik untuk suatu keadaan yang rumit.



Doa

Suruh mereka serahkan kehidupan mereka ke dalam tangan Tuhan, dan memohon supaya Dia mengajar mereka untuk menyerahkan masa depan mereka ke dalam tangan-Nya. Galakkan mereka untuk berdoa supaya mereka akan belajar untuk memuliakan-Nya dengan mengikuti jalan-Nya.

Evaluasi OBOR Belia

Dengan berbesar hati kami mengharapkan anda dapat meluang sedikit masa untuk mengisi Borang Evaluasi ini. Ini adalah supaya ia dapat membantu kami dalam memperbaiki dan meningkatkan lagi material OBOR Belia.

A. Umum

1. Adakah anda (a) Peserta atau (b) Pembimbing?
2. Berapa ramai orang dalam kelompok belajar / Kelompok Sel anda?
☐ Kurang dari 5 orang
☐ 6 hingga 10 orang
☐ 10 hingga 15 orang
☐ Lebih dari 15 orang (Nyatakan: _____)
3. Berapa kerap anda menggunakan bahan pelajaran ini?
☐ Setiap minggu
☐ _____
4. Bagaimana anda menggunakan bahan pelajaran ini?
☐ Ikuti hampir 100%
☐ Mengubahsuaikan untuk disesuaikan dengan kelompok saya.
☐ Hanya menggunakan bahagian-bahagian tertentu
(Nyatakan: _____)
5. Pada umumnya, adakah OBOR Belia ini berguna untuk kelompok anda?

☐ A – Baik sekali	☐ D – Kurang baik
☐ B – Baik	☐ E – Tidak baik
☐ C – Rata-rata sahaja	

B. Soalan Spesifik

6. Bagaimana anda menilai bahagian-bahagian berikut dalam OBOR Belia?
 - a. Topik yang diliputi

- b. Bahagian Aktiviti Bersama
 - c. Bahagian Pencetus Minat
 - d. Bahagian Renungan Firman Tuhan
 - e. Bahagian Renungan Peribadi
 - f. Bahagian Santapan Minda
7. Adakah OBOR Belia ini memenuhi keperluan kelompok anda?
8. Adakah ia berkesan dalam memenuhi keperluan?
9. Adakah bahan pelajaran ini mudah digunakan?
10. Apa yang paling anda suka tentang bahan pelajaran ini?
11. Apa yang anda anggap paling lemah dalam OBOR Belia?
12. Ada apa-apa cadangan supaya kami dapat memperbaikinya?

*Sila email kepada kami di wawasan.penabur@gmail.com.
Hadiah kecil sebagai ucapan terima kasih akan kami kirimkan kepada anda.*

Dapatkan kesemua 25 buah buku dalam siri **OBOR BELIA** dari kami!



Hubungi kami di wawasan.penabur@gmail.com
atau layari laman web kami di www.wawasanpenabur.org

OBOR BELIA

Siri buku OBOR Belia yang diterbitkan oleh Wawasan Penabur Sdn. Bhd. ini mengandungi tema-tema utama iman Kristian dan isu-isu praktikal yang dihadapi oleh pemuda-pemudi zaman sekarang. Sebanyak 25 buku dalam Siri OBOR Belia yang merangkumi kurikulum 5 tahun telah dirancang untuk kegunaan pemuridan dan persekutuan belia.

Ada empat kategori utama untuk siri OBOR ini: *Asas-asas Iman*, *Kehidupan dalam Kristus*, *Isu-Isu Praktikal* dan *Cara Menghadapi Kepercayaan-Kepercayaan Lain*. Semua pelajaran telah ditulis dengan lengkap dan sistematik, mengandungi ajaran Alkitab yang kukuh, bersifat interaktif dan sedia digunakan oleh para pembimbing dan belia.

Buku yang kelapan belas, **"Persahabatan, Berpacaran & Perkahwinan"** bertujuan untuk mengajar dan menggalakkan pemuda-pemudi Kristian untuk memilih suatu gaya hidup yang berlandaskan Alkitab, terutama sekali yang bersangkutan dengan perhubungan antara lelaki dan perempuan, seks dan perkahwinan. Perkahwinan adalah rancangan Allah bagi lelaki dan perempuan sejak Penciptaan. Semoga buku ini boleh membantu untuk memimpin hati dan fikiran belia Kristian supaya menjauhkan diri daripada nilai-nilai panutan dunia, belajar dan memupuk sikap dan pemahaman yang benar tentang karunia perkahwinan dan juga karunia membujang yang Tuhan telah tahbiskan untuk para lelaki dan perempuan.



"Didiklah orang muda menurut jalan yang patut baginya, maka pada masa tuanya pun ia tidak akan menyimpang dari pada jalan itu" (Amsal 22:6).

"Pendekatan buku ini sungguh segar. Aktivitinya yang kreatif dapat menawan minat belia. Kurikulum OBOR Belia yang ditulis menurut konteks kebudayaan Malaysia serta memberi penekanan praktikal sungguh berguna bagi pertumbuhan belia. Saya yakin bahawa kurikulum ini akan menolong mereka untuk berdiri teguh dalam iman, dan membimbing mereka untuk menyumbang terhadap pembangunan masyarakat yang bermoral, bersifat penyayang dan berperihatin."

Rev. Danil Raut, Presiden Sidang Injil Borneo (SIB) Semenanjung

"Masa depan gereja di Malaysia sangat bergantung kepada bagaimana kita mempersiapkan dan memuridkan generasi muda kita hari ini. Mereka adalah aset gereja yang sangat berharga dan merupakan calon pemimpin dalam pelayanan gereja pada masa akan datang. Kita memerlukan bahan pemuridan yang sistematik, menyeluruh dan menekankan pengajaran Firman Tuhan untuk melahirkan satu generasi yang kuat dan berdaya saing dalam dunia yang sangat mencabar ini. Saya ingin mendorong gereja-gereja berbahasa Malaysia dan Orang Asli (OA) menggunakan OBOR Belia ini untuk tujuan memperdalamkan pemahaman Alkitab dan pembentukan supaya mereka boleh bertumbuh sebagai pengikut Kristus. Siri buku ini akan membantu melahirkan generasi muda orang Kristian yang mantap di Malaysia."

Alfred R. Tais, Setiausaha Eksekutif Komisi Bahasa Malaysia,
National Evangelical Christian Fellowship (NECF)

Harga: RM 6.00